



PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:

Cuti Y.B. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali
Y.B. Tuan Jawan anak Empaling
Y.B. Dato' Lew Sip Hon
Y. B. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis—Kebenaran [Ruangan 3861]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3862]

USUL-USUL:

Aturan Urusan Mesyuarat [Ruangan 3900]
Akta Acara Kewangan, 1957—
Kumpulanwang Pendahuluan Untuk Negeri [Ruangan 3901]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Harta Pesaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan)
[Ruangan 3911]
Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan) [Ruangan 3949]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.P.M., S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P., D.P., D.U.P.N. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y. M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.P.M. (Kota Bharu).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' SERI SHARIFF AHMAD, S.S.A.P., D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

- Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom, dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN PENGIRAN HAJI RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO' ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- ” Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- ” Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- ” Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- ” Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- ” Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- ” Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- ” Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAFA (Paloh).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S., S.M.S. (Ulu Langat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam,
TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan
Kemajuan Wilayah, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI SYED
MOHD., A.M.N., B.S.I., P.I.S. (Semerah).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri,
TUAN MUHYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- ” TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- ” TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- ” TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- ” TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar
Bahru).
- ” TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K.,
S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- ” TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- ” TAN SRI DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K.
(Jelebu).
- ” TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- ” DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A.,
S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- ” DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K.
(Kota Setar).
- ” TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- ” TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P.
(Labuk Sugut).
- ” DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- ” TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- ” TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- ” TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P.
(Batang Padang).
- ” TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- ” TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- ” DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- ” DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- ” TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- ” TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- ” TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- ” TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- ” TUAN V. DAVID (Damansara).

- Yang Berhormat TUAN EDWARD ESNEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S.
(Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P.,
S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J.
(Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M.
(Bagan Datoh).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P.
(Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N.
(Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K.
(Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K.
(Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P.
(Gerik).

Yang Berhormat **TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI**, K.M.N., A.M.N., P.B.
(Nilam Puri).

„ **TUAN MOHAMED KHIR JOHARI** (Kuala Muda).

„ **TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK**, P.M.N.,
S.P.D.K. (Kota Belud).

„ **TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH**,
D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).

” **TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF** (Kuantan).

„ **TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS**, P.M.P., A.M.P. (Parit).

„ **TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM**, J.S.M. (Setapak).

„ **TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD** (Baling).

„ **TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH**, S.M.K. (Bachok).

„ **TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD** (Sri Gading).

„ **TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG** (Lubok Antu).

„ **TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT**, K.M.N., J.P.
(Pengkalan Chepa).

„ **DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN**, S.P.M.T., P.N.B.S.,
P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).

„ **DATUK JAMES PETER ONGKILI**, D.I.M.P. (Tuaran).

„ **TUAN OO GIN SUN**, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).

„ **TUAN PATRICK ANEK UREN** (Mas Gading).

„ **TUAN P. PATTO** (Menglembu).

„ **TUAN RACHA UMONG**, P.B.S. (Bukit Mas).

„ **DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR**, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P.
(Bagan Serai).

„ **DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI**, S.P.D.K., J.P. (Silam).

„ **DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN**, P.G.D.K. (Kuala Kedah).

„ **TUAN SEOW HUN KHIM** (Bukit Mertajam).

„ **TUAN SHAARI BIN JUSOH**, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).

„ **TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH**, A.M.N., P.K.T., J.P.
(Balik Pulau).

„ **TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG** (Ulu Rajang).

„ **TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ**, P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang
Terap).

„ **TUAN THOMAS SALANG SIDEN** (Julau).

„ **TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED**, A.M.P., P.J.K. (Arau).

Yang Berhormat TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).

- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

 Isnin, 19hb Oktober, 1981

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

PENGUMUMAN YANG
DI-PERTUA

Cuti Y.B. PUAN YONG FATIMAH
BINTI MOHD. RAZALI

Y.B. TUAN JAWAN ANAK
EMPALING

Y.B. DATO' LEW SIP HON

Y.B. TUAN HAJI BUJANG BIN
HAJI ULIS—KEBENARAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

RASUAH DI TEMPAT ATASAN

1. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan bilangan—

- (a) Menteri;
- (b) Ketua-ketua Menteri/Menteri-menteri Besar;
- (c) Menteri Negeri dan Ahli EXCO;
- (d) Ahli Parlimen;
- (e) Ahli Dewan Undangan Negeri; dan
- (f) Ketua Jabatan Kerajaan

yang dituduh kerana rasuah bagi tahun-tahun 1978, 1979, 1980 dan sehingga September, 1981 dan berapakah yang didapati bersalah dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menghapuskan rasuah di tempat-tempat atasan.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, di antara tahun 1978 sehingga bulan September, 1981 hanya seorang Ahli EXCO Negeri dan 2 orang bekas Menteri Kewangan Negeri telah dituduh di mahkamah. Mereka adalah terdiri daripada bekas Ahli EXCO Negeri Melaka dan 2 orang bekas Menteri Kewangan Negeri Sabah. Bekas Ahli EXCO Negeri Melaka dituduh di Mahkamah Tinggi Melaka dan didapati bersalah, sementara 2 orang bekas Menteri Kewangan Negeri Sabah telah dituduh di Mahkamah Kota Kinabalu dan kes mereka pada masa ini adalah ditangguhkan.

Mengenai langkah-langkah untuk menghapuskan rasuah, perkara ini telahpun diberitahu di Dewan ini pada 13hb Oktober,

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka memaklumkan iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada Tuan Yang di-Pertua mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti di bawah Perkara 52 dalam Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali selama 3 bulan mulai 12hb Oktober, 1981; kedua, Yang Berhormat Tuan Jawan anak Empaling selama 3 bulan mulai 12hb Oktober, 1981 dan Yang Berhormat Dato' Lew Sip Hon, Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian mulai 12hb Oktober, 1981 hingga 2hb November, 1981. Dan seorang lagi Yang Berhormat Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis, Timbalan Menteri Perusahaan Utama mulai 21hb September, 1981 hingga 31hb Disember, 1981.

1981 semasa saya menjawab soalan No. 2 daripada Ahli Yang Berhormat dari Petaling dan saya tidak ada apa-apa yang hendak ditambah.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, amalan memberi dan menerima rasuah mungkin dilakukan oleh sesiapa sahaja dan berlaku di mana-mana sahaja di negara-negara dalam dunia ini.

Saya ingin tahu sama ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar ataupun tidak bahawa amalan rasuah yang terdapat dalam negara kita ini adalah kecil sahaja bilangannya kalau hendak dibandingkan dengan negara-negara lain.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, memang disedari bahawa amalan rasuah di dalam negara ini adalah kecil berbanding dengan amalan rasuah di negara-negara yang lain. Walaupun demikian, ini tidaklah menjadi satu perkara yang harus diringankan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menjawab berkenaan dengan orang yang dituduh kerana rasuah. Dapatkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu Dewan ini ada berapa orang yang ada dalam siasatan mengenai rasuah?

Tuan Yang di-Pertua: Mungkin itu berkehendakkan notis.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, itu berkehendakkan notis.

Tuan Lim Kit Siang: Antara cara-cara untuk mencegah rasuah ditempat jawatan-jawatan mereka yang tinggi dalam tanggungjawab politik, antara borang-borang pengisytiharan harta yang mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada memberi contoh-contohnya kepada setiap Ahli Dewan ini mengenai pengisytiharan yang patut dibuat oleh Menteri-menteri dan lain-lain Timbalan-timbalan Menteri. Apakah tindakan yang boleh diambil untuk menentukan bahawa pengisytiharan mengenai wang tunai simpanan tetap dalam bank atau akaun simpanan di luar negeri boleh dikesani.

Sebenarnya, saya tengok dalam borang ini sungguhpun ada keperluan pengisytiharan tanah dan rumah-rumah sama ada di dalam negeri atau luar negeri untuk ruangan mengenai wang tunai dan hak milik saham-saham, tidak ada keperluan untuk pengisytiharan mengenai wang tunai dalam akaun-akaun luar negeri atau jikalau ada memiliki saham-saham, adakah ini bererti bahawa kategori ini wang tunai mereka dalam akaun-akaun luar negeri tidak perlu diisytiharkan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, keadaan kedudukan wang yang disimpan di luar negeri bukanlah mudah untuk kita menentukan sama ada pengisytiharan itu benar atau tidak. Walaupun demikian, kalau Ahli yang berkenaan itu berkehendakkan untuk membuat kenyataannya kita bolehlah terima.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE INDONESIA—THAILAND

2. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar minta Perdana Menteri menyatakan apakah tujuan yang sebenarnya kunjungan kilat yang dilakukan oleh Y.A.B. Perdana Menteri ke Indonesia dan Thailand sebaik sahaja Y.A.B. memegang jawatan Perdana Menteri dan kenapakah Filipina dan Singapura ditinggalkan dalam siri kunjungan itu.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, tujuan lawatan saya ke Indonesia dan Thailand dalam bulan Ogos yang lalu adalah untuk bertukar-tukar pendapat dan berunding dengan pemimpin-pemimpin negara tersebut mengenai perkara hubungan dua hala dan juga masalah serantau dan antarabangsa yang menyentuh kepentingan bersama. Pertemuan seperti ini sering dilakukan di antara pemimpin-pemimpin negara berkenaan dengan Malaysia. Kebetulan pula lawatan ini ialah lawatan saya yang ulung sebagai Perdana Menteri Malaysia.

Buat sementara ini saya belum ada rancangan untuk membuat lawatan ke Singapura atau Filipina.

Tuan Lee Lam Thye: Berkenaan dengan lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Indonesia itu adakah beliau

membangkitkan perkara berkaitan dengan tenaga buruh pendatang haram dari Indonesia. Jika ada, apakah yang telah dibincangkan dan apa hasil yang dicapai?

Perdana Menteri: Perkara ini memang dibangkitkan secara umum tetapi tidak ada perkara tertentu yang diputuskan.

Tuan Ismail bin Said: Oleh kerana memandangkan lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Indonesia dan Thailand baru-baru ini telah mendatangkan hasil yang baik, jadi sebagai follow-up adakah Yang Amat Berhormat bercadang hendak mengundang pemimpin bagi kedua-dua negara itu dan juga pemimpin-pemimpin lain yang terdapat dalam negara Asean?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, memang ada standing invitation kepada pemimpin negara-negara Asean untuk membuat lawatan ke Malaysia.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Saya ingin bertanya sama ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam lawatan ke Thailand ada membincangkan masalah yang berbangkit dalam hubungan antara Malaysia dengan Thailand berkaitan dengan masalah yang dihadapi di sempadan, umpamanya, sepasukan tentera Thailand memasuki ke dalam wilayah Malaysia beberapa ketika dahulu?

Perdana Menteri: Tidak ada maklumat kemasukan tentera Thailand ke Malaysia, melainkan dengan izin Kerajaan Malaysia.

DASAR EKONOMI BARU

3. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar kebimbangan yang kian menular dihati sanubari sebahagian besar rakyat Malaysia di atas pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang tidak menepati janjinya bahawa "tidak ada golongan tertentu yang akan kehilangan sesuatu atau merasa dilucutkan haknya" dalam pelaksanaan Dasar tersebut dan apakah jaminan yang beliau dapat berikan untuk menghapuskan kebimbangan itu.

Timbalan Perdana Menteri (Dato' Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, untuk

makluman Ahli Yang Berhormat, seperti yang ditegaskan berkali-kali oleh Kerajaan, Dasar Ekonomi Baru adalah dilaksanakan di dalam suasana ekonomi yang kian berkembang. Adalah menjadi hasrat Kerajaan supaya tidak terdapat golongan manapun yang akan mengalami kehilangan atau merasai dilucutkan haknya. Oleh hal yang demikian, di dalam rancangan-rancangan dan projek-projek pembangunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan strategi "growth with equity" adalah diutamakan. Strategi ini adalah termaktub di dalam Rancangan Malaysia Keempat yang telah diluluskan oleh Parlimen awal tahun ini.

Pencapaian matlamat-matlamat DEB sehingga ini telah dan sedang dijalankan di dalam konteks perkembangan ekonomi yang semakin pesat, di samping mewujudkan perpaduan dan kerjasama rakyat yang kukuh serta pembahagian kekayaan negara secara adil dan seimbang. Oleh itu, adalah tidak berasas sekali kenyataan Ahli Yang Berhormat bahawa DEB telah membawa kerugian atau menimbulkan perasaan sangsi di kalangan mana-mana pihak. Seperti di masa-masa dahulu, kerjasama dari semua golongan rakyat adalah penting untuk Kerajaan melaksanakan dan mencapai matlamat DEB.

Dato Haji Yusuf bin Malim Kuning: Soalan tambahan. Saya ingin dapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri iaitu adakah Kerajaan sedar bahawa soal-soal yang didatangkan oleh parti Pembangkang seumpama ini hanya akan menimbulkan perasaan perkauman yang amat membahayakan keselamatan negara. Jika sedar, apakah langkah Kerajaan pada masa akan datang supaya soal-soal yang seumpama ini dapat dihindarkan?

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar kemungkinan soalan-soalan sebegini menimbulkan keadaan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi; tetapi dari segi tindakan tidaklah ada apa-apa yang dirancangan, melainkan diserahkan tanggungjawab ini kepada Ahli-ahli yang berkenaan.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana kita

ketahui bahawa kenyataan Dasar Ekonomi Baru (DEB) ini tidak mahu menyentuh sesiapa menunjukkan bahawa DEB ini tidak sedikitpun merubah susunan ekonomi seperti mana diwarisi di dalam zaman kolonial iaitu lebih memberi manfaat,—kekuasaan dan kekuatan kepada golongan yang kaya. Jadi, dasar ini sudah tentu bagi kalangan miskin terpaksa bersaing dengan golongan yang kuat itu dan dasar ini sedikitpun tidak boleh mencegah bahawa golongan yang kuat bukan sahaja dapat mempertahankan hak mereka tetapi mengambil lebih daripada hak mereka sepertimana yang berlaku sekarang ini? Apakah langkah-langkah tambahan yang akan diambil untuk mewujudkan suasana yang lebih adil supaya lebih memberi peluang kepada golongan-golongan yang daif untuk memperkukuhkan kedudukan ekonomi mereka?

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, pendapat Ahli Yang Berhormat itu bercanggah dengan statistik, dan maklumat-maklumat yang telah dapat dimonitor oleh Kerajaan menunjukkan kejayaan pencapaian strategi Dasar Ekonomi Baru (DEB) itu. Dari segi apakah langkah yang hendak diambil, semua langkah termaktub di dalam DEB dan dari setahun ke setahun DEB sedang dilaksanakan dengan rancak dan pada pendapat Kerajaan ia mencapai kejayaan. Itulah sebabnya Kerajaan nampaknya sentiasa disokong apabila menghadapi pilihanraya.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana janji bahawa pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) tidak ada golongan tertentu akan kehilangan atau merasa dilucutkan haknya ada berlaku beberapa kali di mana janji itu ada dilanggar dan janji merupakan satu prinsip fundamental DEB. Bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menimbangkan supaya Kerajaan menubuhkan satu badan atau satu suruhanjaya atau mahkamah di mana komplek-komplek terhadap pelanggaran prinsip fundamental itu boleh disiasat dan dihakimi dan di mana Barisan Nasional sebagai satu parti yang memerintah tidak menjadi defendand menjadi hakim peranan kedua-dua buat satu kali.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya Kerajaan tidak langsung melanggar apa yang dikatakan janji oleh Ahli Yang Berhormat itu. Jadi soal ini tidak timbul.

Dato' Haji Yusuf bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan sekali lagi daripada Timbalan Perdana Menteri adakah Kerajaan mendapat maklumat bahawa ada di antara parti-parti Pembangkang di dalam negara kita ini yang tidak menyokong kepada Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua: Itu luar daripada soalan asal.

BUKU MALAY DILEMMA

4. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau bercadang meringankan perasaan tumang di kalangan rakyat dengan melarikan diri dari pandangan-pandangan "pelampau" yang tercatat dalam "Malay Dilemma".

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak ada perasaan ketakutan ataupun fears di kalangan rakyat kerana pandangan-pandangan dalam buku "Malay Dilemma", melainkan apa yang disemaikan dan digembar-gemburkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan rakan-rakannya. Oleh itu, saya tidak bercadang membuat apa-apa meneliti pendapat saya dengan cara menghalalkan pendedaran buku itu.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu sama ada pandangan-pandangan dan fikiran-fikiran yang telah dikarang dalam buku "Malay Dilemma" itu masih lagi dipegang kuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, karangan itu dibuat pada tahun 1970 dalam keadaan yang terdapat dalam tahun 1970. Sehingga sekarang ini kita telah melaksanakan Dasar Ekonomi Baru yang mana ini telah mencapai banyak kejayaan dan sebahagian daripada pendapat-pendapat itu tidak lagi mempunyai asasnya pada masa sekarang.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana Yang Amat Berhormat bercadang hendak menghamburkan pemikiran Yang Amat Berhormat dalam buku "Malay Dilemma" kepada seluruh rakyat jelata, kebetulannya buku itu yang saya tahu ditulis dalam bahasa Inggeris, adakah Yang Amat Berhormat bercadang untuk menterjemah buku itu supaya saya dan kawan-kawan saya dan seluruh rakyat faham dan boleh mengerti serta mengambil faedah daripada buku itu dalam Bahasa Malaysia?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, walaupun ditulis dalam bahasa Inggeris, dalam pilihanraya umpamanya terdapat terjemahan yang dibuat secara persendirian oleh pihak-pihak tertentu. Memandangkan bahawa terjemahan ini adalah salah, maka saya bercadang supaya buku ini diterjemahkan bukan sahaja dalam Bahasa Malaysia tetapi juga dalam bahasa-bahasa Cina, Tamil dan Arab.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, soalan tambahan. Menurut jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak ada apa-apa fikiran atau "fears" dari fikiran orang ramai di dalam negara ini. Tetapi jikalau kami baca apa yang ada terkandung dalam buku ini, Saya baca sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah.

Tuan Karpal Singh: Tidak boleh, Tuan Speaker?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, oleh kerana ada fikiran extremist dalam buku ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak perlu. Cuba tanya apa soalan tambahannya?

Tuan Karpal Singh: Soalan tambahannya, jikalau tidak ada apa-apa fikiran extremist dalam buku ini, mengapa buku ini telah diharamkan dalam tahun 1970 oleh Kerajaan di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman, apa sebab-sebabnya buku itu diharamkan pada masa itu, itu soalan saya, Tuan Speaker.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, tafsiran "extremism" ini ada kaitannya

dengan keadaan di sesuatu masa, umpamanya ada juga perkataan-perkataan yang berbau extremist yang datang dari Ahli Yang Berhormat sendiri, tetapi tidak ada tindakan diambil oleh kerana kita mempunyai Kerajaan yang liberal, tetapi mungkin kalau kita mempunyai Kerajaan lain umpamanya, Kerajaan seperti yang dicadangkan oleh parti Ahli Yang Berhormat sendiri, saya percaya mungkin dianya akan menangkap orang yang membuat ucapan-ucapan seperti yang dianya membuat sendiri.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa pandangannya yang kukuh dalam buku terkemuka itu "Malay Dilemma" mengenai asas untuk membina negara ialah bahawa rakyat yang bukan Melayu tidak boleh diterima sepenuhnya sebagai rakyat Malaysia sehingga mereka diassimilasikan dan meninggalkan kebudayaan dan bahasa mereka adalah bertentangan dengan konsep-konsep dan asas-asas membina satu masyarakat yang majmuk yang berbilang bangsa dan perkara yang semacam ini akan menimbulkan keraguan-keraguan sama ada ini akan menjadi asas Kerajaan dalam pembinaan negara?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, selagi kita berkehendak supaya diadakan satu bangsa maka sepatutnya ada satu bangsa sahaja di dalam negara kita ini. Oleh kerana kita mengaku bahawa negara kita adalah sebuah negara yang mana masyarakatnya terdiri daripada berbagai bangsa maka terdapatlah keadaan berbagai bangsa di dalam negara kita ini. Jikalau kita hendak supaya semuanya disatukan maka perlulah beberapa bangsa di sini dihapuskan dan digantikan dengan Kebangsaan Malaysia.

Dr Chen Man Hin: Soalan tambahan, Tuan Speaker. Di sini saya hendak bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, adakah beliau sedar di kalangan rakyat Malaysia yang berketurunan bukan Melayu ada rasa curiga (suspicion) serta takut mengenai satu pandangan yang sangat serius dalam buku beliau di mana beliau ada mengatakan di negara kita landlord atau tuan punyanya ialah orang Melayu atau bumiputra dan rakyat keturunan dari kalangan lain, bukan

bumiputra atau bukan Melayu ialah orang tumpangan (passengers). Kalau itulah pandangan beliau pada 10 tahun dahulu, rakyat Malaysia yang keturunan bukan Melayu sekarang mahu bertanya untuk mendapat satu keterangan atau jaminan sama ada pandangan ini masih lagi disimpan di dalam hati atau di dalam otak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri?

Tuan Yang di-Pertua: Pada mulanya tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah menerangkan yang mengatakan takut (fears) itu tidak ada, melainkan kalau Yang Amat Berhormat hendak tambah lagi.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya itu adalah berasas bukan sahaja keadaan di dalam negara kita Malaysia, tetapi berasas juga kepada keadaan yang terdapat di negara-negara lain yang mana ada kaum yang asal dan kaum yang mendatang. Biasanya di mana terdapat kaum yang mendatang, kaum yang mendatang itu biasanya melupakan unsur asal dan menerima sepenuhnya kerakyatan ataupun segala culture dan lain-lain yang menentukan kebangsaannya, adalah sama dengan kebangsaan orang yang asal ditempatkan itu.

PERANAN JUTAWAN TERHADAP DASAR EKONOMI BARU

5. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah peranan-peranan yang telah dimainkan oleh jutawan-jutawan asing/Malaysia terhadap Dasar Ekonomi Baru.

Timbalan Perdana Menteri (Dato' Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru telah diumumkan dalam tahun 1971 sempena pelancaran Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975). Pada tahun 1971, hakmilik dan penguasaan sektor syarikat (corporate sector) yang dipunyai oleh rakyat Malaysia berbanding kepada rakyat asing adalah terlalu berbeza. Dari jumlah hakmilik sebanyak \$6,564.1 juta, hanya 38.3% dipunyai oleh rakyat Malaysia. Perbezaan juga terdapat dalam pemilikan 38.3% itu di mana 34% dimiliki oleh pemastautin Malaysia bukan Bumiputra. Bumiputra termasuk agensi amanah hanya memiliki 4.3% sahaja. Dengan pelancaran

Dasar Ekonomi Baru, sektor syarikat yang melibatkan jutawan-jutawan Malaysia/asing telah memahami hasrat dan cita-cita Dasar itu. Dalam kira-kira 10 tahun ini, mereka telah memainkan peranan masing-masing untuk pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru. Pemilikan dan penguasaan sektor syarikat telah bertukar corak. Angka-angka tahun 1980 menunjukkan bahawa rakyat Malaysia memegang 52.5% daripada sejumlah \$26,323 juta harta-harta sektor syarikat di mana pemilikan Bumiputra (termasuk agensi amanah) telah meningkat daripada 4.3% tahun 1971 kepada 12.4% tahun 1980. Pemilikan rakyat asing dalam harta corporate Malaysia dalam tahun 1980 ialah 47.5%. Memangdangkan bahawa pelaksanaan Dasar tersebut adalah atas konsep "expanding cake", maka dengan pertumbuhan ekonomi negara, jutawan-jutawan Malaysia/asing boleh lagi memainkan peranan mereka supaya matlamat Dasar Ekonomi Baru dicapai apabila masanya tiba.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Kerajaan monitor beberapa orang jutawan bumiputra yang wujud di bawah Dasar Ekonomi Baru?

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada monitor, tetapi cuma pengetahuan sahaja.

ANAK SYARIKAT PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI— PENUTUPAN

6. Tuan Chan Teck Chan minta Perdana Menteri menyatakan bilangan anak-anak syarikat dan badan-badan awam yang telah diarah untuk ditutup dan nyatakan sebab-sebab dibuat demikian dan bilangan yang akan ditutup, bilangan yang mana pentadbiran dan pengurusannya akan dikaji semula dalam jangka waktu Ogos/Oktober 1981; nyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk membaikpulih kesemua jentera pentadbiran anak-anak syarikat dan badan-badan awam yang telah ditugaskan untuk melaksanakan projek pembangunan sosio-ekonomi di bawah Dasar Ekonomi Baru.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan anak-anak syarikat Perbadanan-perbadanan Ekonomi Negeri

(PKEN), sukacita saya nyatakan di sini bahawa terdapat 41 buah syarikat yang telah diumumkan ditutup atau dalam proses untuk ditutup oleh kerana kerugian yang besar dan juga potensi masa hadapannya yang tidak baik. Ini termasuklah dua buah anak syarikat iaitu anak-anak syarikat Perbadanan Kemajuan Negeri Perlis (PKNP) dan Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan (PKNNS) di mana agensi-agensi ini memiliki sepenuhnya atau majoriti terbesar saham ekuitinya yang telah ditutup baru-baru ini. Bagi sebuah lagi anak syarikat PKNP yang diusahakan secara usahasama dan pihaknya memiliki hanya 40% saham ekuitinya, Kementerian yang berkenaan telah mengarahkan supaya PKNP menjual saham yang dimilikinya kepada pihak-pihak yang berkemampuan dan berminat. Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa anak-anak syarikat ini yang dijalankan secara usahasama adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965 dan keputusan untuk menutup sesuatu syarikat hanya boleh dibuat oleh pemegang saham atau atas arahan mahkamah. Adalah didapati bahawa syarikat-syarikat tersebut telah menunjukkan prestasi yang kurang memuaskan dan tidak mempunyai masa hadapan yang lebih baik.

Sementara itu lapan buah lagi anak-anak syarikat, iaitu tujuh di Negeri Sembilan dan satu lagi di Pulau Pinang telah diarah untuk memperbaiki prestasi masing-masing dalam tempoh di antara enam bulan dan satu tahun. Tempoh tersebut adalah sebagai panduan dan terpulanglah kepada pihak PKEN dan pengurusan anak syarikat untuk menilai dan memperbaiki pengurusannya masing-masing bagi memperbaiki prestasi mereka.

Sukalah juga dinyatakan di sini bahawa tindakan mengawas dan menilai prestasi PKEN dan anak-anak syarikatnya dijalankan dari masa ke masa supaya ianya sentiasa selaras dengan matlamat dan strategi penubuhan mereka berasaskan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri banyak anak-anak syarikat yang telah ditutup termasuk di Perlis. Kedua, sebagaimana yang dimaklumkan oleh Yang

Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebentar tadi ada di antara negeri seperti Negeri Sembilan untuk diperbaiki. Jadi saya ingin mendapat tahu, adakah di dalam pandangan Yang Amat Berhormat ataupun Yang Amat Berhormat bercadang yang mana ditutup khususnya di Perlis itu dengan daya usaha ataupun dengan perintah Yang Amat Berhormat akan mengadakan balik dua syarikat yang ditutup itu untuk negeri Perlis.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, soal penutupan ataupun penerusan satu-satu anak syarikat atau syarikat yang dipunyai oleh satu-satu PKEN itu tidak ada hubungan di mana ianya ditempatkan di dalam satu-satu negeri. Jadi soal untuk diganti dengan sesuatu syarikat ataupun beberapa syarikat mengikut angka tutupannya tidak timbul. Walau bagaimanapun asas-asasnya telahpun saya kemukakan tadi untuk menentukan kedudukan sesebuah syarikat yang tertentu.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Memendangkan begitu banyaknya kilang lebih kurang 41 anak syarikat telah menghadapi berbagai-bagai masalah, bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberitahu Dewan ini bahawa apakah sebab utama yang mengakibatkan begitu banyaknya anak-anak syarikat PKEN atau badan-badan awam menghadapi kerugian sehingga beberapa anak syarikat di antaranya ada yang ditutup. Adakah ini sebagai mismanagement atau malpractices atau disebabkan kerana pegawai-pegawai PKEN tidak competent atau tidak mempunyai pegawai yang berpengalaman untuk bersaing dengan pegawai-pegawai multi-national dalam usahasama atau disebabkan oleh kelemahan konsep joint-venture ini.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa sebab tetapi sebab-sebab ini begitu kompleks untuk kita mengenalinya satu persatu yang menyebabkan satu-satu syarikat atau anak syarikat itu ditutup. Sayugia diingat di sini bahawa proses memberi pengalaman kepada bumiputra melalui agensi-agensi Kerajaan untuk mentadbirkan sesuatu syarikat ataupun sesuatu perniagaan di dalam negara kita ini ialah satu proses yang cuma baru dialami oleh negara kita di dalam jangka masa lebih

kurang 10 tahun sahaja. Jadi di dalam jangka masa 10 tahun ini, kita telah dapat mendedahkan kaum bumiputra kepada segala selok-belok perniagaan ataupun economic activities di dalam negara kita pada keseluruhannya dan proses pendedahan untuk memberi pengalaman (experience) telah tiba ke peringkat 10 tahun yang pertama dalam jangka masa 20 tahun. Jadi tibalah masanya kita menghadapi pertengahan jalan untuk kita meneliti dan menekankan kepada mereka yang bertanggungjawab, bagaimana perlunya sesuatu perniagaan atau aktiviti perniagaan itu dijalankan dengan keuntungan menjadi matlamat utama, sungguhpun unsur-unsur pendedahan ataupun memberi peluang untuk mendapat pengalaman juga tidak dilupakan. Jadi inilah unsur-unsur yang sedang dikaji dan diteliti oleh Kerajaan pada keseluruhannya.

Saya suka mengambil kesempatan sini untuk menyangkal kemungkinan kalau-kalau ada pemikiran di kalangan setengah-setengah yang berkenaan yang menyatakan bahawa syarikat-syarikat itu ditutup sebagai bukti mengatakan bahawa bumiputra memang tidak harus diberi peluang untuk berniaga oleh sebab mereka tidak ada kebolehan. Malahan saya suka menyatakan bahawa proses pendedahan experience dan soal untung rugi di dalam perniagaan itu adalah merupakan satu soal yang biasa sahaja dihadapi oleh mana-mana pihak di mana-mana juga di dalam dunia ini apabila mereka hendak mengetahui ataupun mendapat pengalaman pada keseluruhannya. Jadi Kerajaan cuma membantu Kerajaan-kerajaan Negeri dan agensi-agensi Kerajaan dan memanglah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa sesuatu aktiviti sesuatu syarikat itu memang menepati matlamat asalnya.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedar bahawa penutupan anak-anak syarikat PKEN tanpa satu siasatan yang mendalam dan tanpa satu public accountability di mana sebab-sebab setiap anak syarikat perlu ditutup dibuat kepada orang ramai oleh kerana kerugian wang yang terlibat ialah wang rakyat tidak akan memberi apa-apa kesan untuk mencegah kesilapan-kesilapan yang ada dibuat untuk diulangi. Adakah pihak

Kerajaan menimbang mengadakan satu buku panduan di mana kesilapan-kesilapan setiap anak syarikat yang ditutup boleh dicatat bukan sahaja untuk pengetahuan orang ramai tetapi jadi satu guidelines untuk semua pengurus-pengurus atau kakitangan-kakitangan SEDC supaya kesilapan-kesilapan dan kesalahan-kesalahan mereka yang ada berlaku tidak berlaku lagi, oleh kerana kalau tidak, apa yang berlaku ialah tutup sahaja apabila ada kerugian, di masa hadapan akan berlaku lagi di lain-lain tempat dalam lain-lain negeri.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap satu anak syarikat yang diputuskan untuk ditutup dibuat setelah penelitian mendalam dan berasas kepada itulah maka keputusan dibuat. Dari segi soal public accountability, oleh sebab ini merupakan satu favourite topic kepada Ahli Yang Berhormat, suka saya menjelaskan bahawa tiap-tiap PKEN ini dipertanggungjawabkan kepada Kerajaan Negeri masing-masing, dan tiap-tiap satu bidang pada PKEN ini membentangkan laporan aktiviti kepada Kerajaan masing-masing. Jadi malangnya ada beberapa Kerajaan Negeri di negara kita ini yang parti Pembangkang tidak wujud, barangkali mereka tidak dapat tahu atas keadaan yang sebenarnya, tetapi bolehlah di peringkat negeri itu soal-soal dan penelitian yang khusus sekhusus-khususnya sekiranya dikehendaki sama ada ia terima laporan dengan secara rasmi atau tidak—boleh dibangkitkan, boleh dibahaskan dan boleh dikritik.

Pada pendapat Kerajaan, ini memang menjadi satu kekuatan Kerajaan bahawa kita berani apabila kita mendapat tahu sesuatu anak syarikat itu tidak berjaya, kita menerima reality ini dan tidak lengah-lengah bertindak dan tidak bersembunyi. Inilah proses pendedahan yang kita memberi peluang kepada semua rakyat jelata mengetahui keadaan sebenarnya. Kita mengaku di mana yang salah dan di mana kita fikirkan perlu diperbaiki, kita baik. Inilah proses yang sedang dijalankan di dalam negara kita.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat

Timbalan Perdana Menteri tadi bahawa di dalam masa 10 tahun yang lalu penglibatan Kerajaan di dalam syarikat-syarikat dan sebagainya itu ialah sebagai pendedahan bumiputra kepada bidang perniagaan. Saya faham daripada apa yang dijelaskan bahawa pada masa akan datang seolah-olah Kerajaan telah mempunyai satu keyakinan bahawa masa pendedahan itu telah berakhir dan sekarang ini meningkat kepada satu tahap iaitu membina atau membuat keuntungan.

Adakah Kerajaan mempunyai asas-asas yang kukuh sekarang ini untuk membuktikan bahawa di masa-masa yang akan datang kaum bumiputra apabila melibatkan di dalam soal perniagaan ini akan dapat mencapai satu peringkat yang lebih kuat daripada masa 10 tahun yang lalu dengan di dalam jangkaan bahawa syarikat-syarikat tidak akan banyak lagi tutup. Saya juga ingin meminta penjelasan sama ada pada masa yang lalu pendekatan Kerajaan terhadap penglibatan bumiputra di dalam perniagaan ini diberi keutamaan kepada konsep pendedahan tadi ataupun ia telah membina daripada awal-awal lagi bahawa satu dasar atau satu pendekatan pengukuhan daripada peringkat awal lagi sehingga tidaklah dibahagikan sekarang ini kepada peringkat pendedahan kemudian peringkat pengukuhan selanjutnya.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, peringkat pendedahan belum berakhir. Kita ini duduk di dalam dunia dan sentiasa memerlukan pengalaman. Jadi pengalaman itu harus didapati sepanjang masa hidup kita. Pada konsepnya di dalam jangka masa pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, proses pendedahan ini akan terus diberi, ia akan terus ditekankan apabila kita melibatkan bumiputra melalui agensi-agensi Kerajaan berkecimpung di dalam bidang perniagaan. Saya suka menyatakan di sini bahawa oleh sebab soal penubuhan anak-anak syarikat ini termasuk di dalamnya kedua-dua unsur pendedahan untuk memberi pengalaman dan juga keuntungan yang baru ditekankan sekarang sebagai keutamaan, maka terpaksa begitu banyak lagi anak-anak syarikat sama ada diteruskan pengwujudannya ataupun akan terus ditubuhkan bila-bila masa juga difikirkan perlu. Oleh sebab anak-anak

syarikat yang wujud pada waktu sekarang ada juga di kalangannya yang menekan faktor pendedahan, ia merupakan service atau perkhidmatan kepada bumiputra di mana penekanan pendedahan ini diberi hinggalan kalau didapati rugipun anak syarikat itu tetapi fungsinya untuk memberi pendedahan kepada bumiputra lebih diperlukan, maka anak syarikat ini akan dibenarkan untuk terus wujud. Jadi inilah keadaan.

Tuan Lee Lam Thye: Suka saya mendapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, tidakkah Kerajaan ada satu apa yang disifatkan dalam bahasa Inggeris "early warning system" untuk mengukur viability tiap-tiap projek yang dilaksanakan oleh badan-badan yang berkenaan dan sekiranya ada kesilapan atau kelemahan bahawa tindakan boleh diambil untuk memperbaiki kelemahan itu.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang ada "early warning system" untuk menentukan kedudukan sesuatu anak syarikat. Tetapi saya suka menegaskan lagi bahawa perjalanan tiap-tiap satu anak syarikat tidak berbeza dengan perjalanan sesuatu perniagaan oleh sesuatu individu atau sekumpulan manusia, walau bagaimanapun viability reportnya, walau bagaimanapun dlaporkan bahawa sesuatu projek itu akan tetap untung. Kita tahu tidak mengira kaum di dalam negara ini, banyak syarikat-syarikat kepunyaan orang-orang Cina yang begitu banyak pengalaman yang juga bankrupt setelah beberapa bulan atau beberapa tahun. Ini merupakan satu proses perniagaan biasa sahaja.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Biasanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita membuat pembubaran anak-anak syarikat Perbadanan Negeri di waktu beliau membuat lawatan rasmi kepada negeri-negeri sebagai beliau Timbalan Perdana Menteri. Yang saya mendapat tahu beliau akan melawat Kedah dengan secara rasmi tidak beberapa hari lagi. Adakah beliau bercadang di dalam lawatannya itu juga hendak membubarkan atau memansuhkan anak-anak syarikat Kemajuan Negeri. Kalau ada, berapa buah?

Tuan Yang di-Pertua: Perkara yang merupakan “akan” tidak boleh ditanya sekarang, tetapi kalau Yang Amat Berhormat hendak menjawab.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan saya suka menyatakan bahawa saya tidak menutup sesuatu syarikat dalam siri lawatan saya tetapi mengarah supaya satu dua anak syarikat yang benar-benar telah diteliti keadaannya buruk diambil tindakan untuk ditutup dan sepanjang masa ini ada dua tiga syarikat sahaja yang saya arah diambil tindakan untuk ditutup. Walhal yang lain itu sudahpun sebenarnya “for all intents and purposes” tertutup dan lama ditutup, cuma dibesarkan dikatakan “close down”, diberi arahan untuk tutup, over dramatize sedikitlah oleh pihak-pihak yang tertentu. Walau bagaimanapun, saya ghairah sedikit mendengar Ahli Yang Berhormat mengatakan saya akan melawat Kedah tidak beberapa hari ini, saya cuma suka mengatakan di sini intelligence system Ahli Yang Berhormat ini too good, terlampau baik hinggalah tidak betul langsung (*Ketawa*).

TV—SALURAN KE 2 KE SABAH DAN SARAWAK

7. Tuan Chieng Tiong Kai Minta Menteri Penerangan mengatakan sama ada TV Malaysia akan mengadakan siaran melalui saluran ke 2 ke Sabah dan Sarawak dalam masa yang singkat dan jika ya, bila.

Timbalan Menteri Penerangan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat peruntukan awal projek ini telahpun diluluskan dalam Rancangan Malaysia Keempat. Usaha-usaha sedang dibuat sekarang untuk melaksanakannya dengan cara-cara yang peling cepat tetapi berkesan. Bagaimana Yang Berhormat sedia maklum, projek meluaskan siaran rangkaian kedua TV Malaysia ke Sabah dan Sarawak adalah merupakan satu projek yang memakan belanja yang amat besar dan masa yang agak lama untuk menyiapkannya kerana keadaan yang luasnya kawasan yang diliputi, maka sukarlah untuk menyatakan dengan tepat bila projek ini dapat disiapkan. Walau bagaimanapun, Kementerian saya sedang

berusaha dengan lain-lain agensi Kerajaan yang terlibat untuk mencari jalan mempercepatkan pelaksanaan projek ini.

Tuan Chieng Tiong Kai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan sama ada TV Malaysia akan menambah program-program untuk bahasa Iban melalui saluran kedua untuk penonton- penonton di negeri Sarawak.

Dr Ling Liong Sik: Apabila saluran kedua sampai ke Sabah dan Sarawak kami akan menimbangakan cadangan ini.

Dato Dr Hee Tien Lai: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa Yang Berhormat Menteri kita baru-baru ini mengisytiharkan di Johor bahawa satu transmission station yang kuat dan baru akan siap dibina di Gunung Ledang. Saya ingin mendapat tahu transmission ini akan atau tidak interfere atau mengganggu transmission TV Singapura yang sangat popular di kalangan orang-orang di Negeri Johor.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan asalnya ialah mengenai saluran kedua di Sabah dan Sarawak. Ini tidak ada kena-mengena dengan soalan asal.

GAJI PEKERJA DI MALAYSIA

8. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan disebabkan gaji pekerja-pekerja di negara tetangga adalah lebih tinggi dari Malaysia terutama sekali di Singapura, maka ramai pekerja-pekerja kita dalam perusahaan pembinaan rumah telah berhijrah untuk bekerja di situ, apakah tindakan Kementeriannya telah ambil untuk memujuk mereka kembali ke tanahair mereka untuk bekerja disini.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Willian Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, tidak menjadi dasar Kerajaan untuk mengikat pekerja-pekerja dari keluar bekerja di negara-negara lain. Oleh itu kejadian pekerja-pekerja Malaysia khususnya dalam perusahaan pembinaan, berhijrah ke Singapura untuk bekerja atas dorongan gaji yang tinggi memang berlaku. Kementerian

saya sentiasa mengambil tindakan untuk menasihatkan majikan-majikan di tanahair supaya menambahkan gaji yang dibayar kepada pekerja-pekerja mereka serta lain-lain kemudahan supaya parasnya menjadi sama tinggi sekurang-kurangnya hampir sama dengan yang terdapat di Singapura. Langkah ini dijangka akan dapat menarik balik pekerja-pekerja kita untuk pulang bekerja di tanahair sendiri.

Penghijrahan seumpama itu adalah sementara sahaja. Terdapat ramai pekerja-pekerja kembali ke tanahair selepas sesuatu tempoh apabila mereka telah memperolehi pengalaman dan kemahiran yang lebih di bidang masing-masing dan dengan itu berjaya mendapat pekerjaan yang gajinya tinggi di tanahair sendiri.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah sedar lebih 60,000 orang pekerja-pekerja daripada Malaysia bekerja di Singapura. Adakah apa-apa rancangan kalau Kerajaan Singapura hantar balik semua pekerja Malaysia di Singapura, bolehkah dia orang boleh dapat kerja dalam tiap-tiap industri dan lain-lain baik bahagian Kerajaan atau swasta. Ini satu soalan yang besar, fasal apa sekarang.....

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah itu, soalan tambahannya apa?

Tuan V. David: Soalan Tambahannya adakah betul 60,000 orang pekerja daripada Malaysia ada kerja di Singapura. Yang kedua, apa rancangan kalau Kerajaan Singapura menghantar balik pekerja-pekerja Malaysia balik ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan yang kedua itu tidak payah dijawablah. Ini bertentang dengan soalan asal. Soalan asalnya macam mana hendak pujuk orang ini balik ke Malaysia. Ini pula kalau dihantar balik oleh Singapura seramai 60,000 orang seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat ini. Bahagian kedua tidak payah jawablah, bahagian pertama boleh. Sila.

Tuan William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian saya sedar ada beberapa bilangan yang besar pekerja-pekerja di Singapura tetapi bilangan itu tidak

dapat ditetapkan oleh kerana pekerja-pekerja kita memang bebas bekerja di luar negeri.

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning: Soalan tambahan. Oleh kerana ada dakwaan yang menyatakan gaji pekerja-pekerja di negara tetangga lebih tinggi daripada Malaysia terutama sekali di Singapura, ini diakui sendiri oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalnya saya ingin tahu sama ada buruh-buruh Malaysia juga berhijrah ke negara-negara lain seperti Filipina, Thailand dan Indonesia terutama sekali di bidang pembinaan rumah. Adakah atau tidak maklumat itu.

Tuan William Lye Chee Hien: Ada.

PENUNTUT BIASISWA KERAJAAN KE SEBERANG LAUT

9. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada penuntut-penuntut yang telah diberi biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke seberang laut dan telahpun berjaya dalam pelajaran mereka tetapi mereka tidak mahu kembali walaupun perkhidmatan mereka diperlukan oleh negara dan ada di antara mereka yang sanggup membayar balik segala perbelanjaan yang dibelanjakan ke atas mereka semasa belajar dan ini telah juga menyebabkan rasa keciwa kepada ibu bapa mereka dan jika ya, apakah tindakan yang telah diambil mengenai perkara ini.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran menyedari bahawa ada terdapat penuntut-penuntut yang telah diberi biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke seberang laut dan selepas tamat kursus dan berjaya dalam pelajaran mereka tetapi tidak mahu kembali ke Malaysia akan tetapi bilangannya adalah sangat kecil. Sehingga kini hanya ada 2 kes sahaja yang diketahui. Mengenai tindakan yang diambil terhadap mereka ini sukacitalah saya memaklumkan bahawa Jabatan Penuntut Malaysia di seberang laut dikehendaki menghubungi pemegang-pemegang biasiswa berkenaan dan menggesa mereka balik ke Malaysia untuk berkhidmat. Mereka ini juga dinasihat

tentang implikasinya jika engkar. Sekiranya mereka masih berdegil, kes-kes ini akan diambil tindakan undang-undang dan gantirugi dituntut khasnya dari penjamin-penjamin.

Tuan Shaari bin Jusoh: Soalan tambahan. Sebagaimana dikatakan oleh Timbalan Menteri tadi ada, tetapi terlampau sedikit, cuma dua kes. Bolehkah saya difahamkan yang mana dua kes ini ialah datang daripada Perlis, yang kedua bolehkah pihak penjamin ini disyaratkan supaya pihak penuntut itu sendiri membayar balik, jangan digesa kepada penjamin. Diubah syarat supaya jangan penjamin membayar mestilah penuntut itu membayar balik.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya tahu kedua-dua penuntut ini adalah dari Perlis (*Ketawa*). Tetapi oleh kerana ada perjanjian-perjanjian yang telah ditandatangani oleh mereka itu jadi jikalau penuntut itu tidak dapat membayar, penjamin-penjaminlah yang akan kena.

Tuan Yang di-Pertua: Saya harap Ahli Yang Berhormat tidak jadi salah seorang daripada penjaminnya (*Ketawa*).

Tuan Lee Kaw: Tuan Speaker, saya ingin mendapat tahu dari Timbalan Menteri Pelajaran adakah beliau sedar banyak murid-murid yang diberi scholarship ini sangat susah mendapat penjamin istimewa dalam kampung-kampung. Di Keluang, taxi driver tidak boleh dapat orang yang boleh jadi guarantor dan jika beliau sedar bolehkah Timbalan Menteri atau Kementerian ini ubahkan orang-orang yang menjamin ini kepada ibubapanya sendiri.

Pada masa ini disyaratkan \$50 ribu hingga \$70 ribu tetapi diturunkan jika ibubapa sendiri boleh menjamin anaknya.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, biasanya kalau satu perjanjian ditandatangani ibubapa atau next-of-kin baginya kita harap mesti menjadi penjamin. Saya sendiri sebagai wakil rakyat dulu, sebagai ordinary Member of Parliament saya pun sudah buat beberapa perjanjian untuk menolong murid-murid. Jadi saya suka menasihati kalau Ahli Yang Berhormat ada peluanglah menemui macam kes ini

bolehlah berikan pertolongan supaya dapat ramai pemegang-pemegang biasiswa ini dapat peluang untuk menikmati biasiswa.

Jadi untuk mengubahkan, saya fikir perkara ini susah sedikit oleh kerana jikalau tidak ada perjanjian semacam ini barangkali banyak yang menerima biasiswa tidak dapat balik berkhidmat seperti kes-kes ini, Jadi susah kita, sebagai Kerajaan pun susah, rakyat pun susah.

Tuan Lee Kaw: Soalan tambahan. Menurut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan mengatakan M.P.-M.P. patut menolong menjadi penjamin. Tuan Yang di-Pertua, beliau mesti sedar dalam rekod saya sendiri pun ada menjadi penjamin. Tetapi jikalau sudah melebihi bolehkah Kementerian yang berkenaan atau lain-lain Kementerian yang berkenaan menerima iaitu tiap-tiap orang datang minta menjadi penjamin kita beri, itu sahaja kita hendak tahu.

Tuan Yang di-Pertua: Itu dia terimalah, tetapi jaga sahajalah kalau mereka tidak bayar, Kementerian akan tuntutan (*Ketawa*).

KAKITANGAN PARA-MEDICAL HOSPITAL DI SABAH

10. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar tentang masalah berikut:

- (a) terdapat kekurangan kakitangan yang cekap untuk mengendalikan hospital-hospital dan pusat-pusat kesihatan di Sabah khasnya di luar bandar menyebabkan banyak pesakit-pesakit tidak mendapat rawatan yang sewajarnya;
- (b) bekalan ubat yang tidak mencukupi untuk kegunaan seharian hospital-hospital luar bandar boleh menyebabkan beberapa kerumitan kepada rakyat di luar bandar yang memerlukan rawatan; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang positif yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasinya.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang

Berhormat bahawa sejak 5 tahun yang lepas, bilangan kakitangan "para-medical" di Sabah telah bertambah mengikut keperluan kemajuan perkembangan perkhidmatan kesihatan di negeri itu. Bilangan jururawat yang dilatih di dalam satu tahun telah meningkat dari 148 pada tahun 1975 kepada 217 pada tahun 1980. Demikian juga bagi kategori pembancuh Farmasi yang telah bertambah dari 10 orang kepada 18 orang dan Juruteknologi Makmal dari 6 orang kepada 10 orang. Selain daripada kemudahan latihan di Negeri Sabah sendiri, tempat-tempat latihan tambahan untuk penuntut-penuntut Sabah telahpun disediakan di Semenanjung Malaysia. Bagi kategori Jururawat, tempat-tempat latihan telah ditambah dari 10 pada tahun 1980 kepada 50 pada tahun 1981; manakala bagi kategori Pembantu Hospital, tempat-tempat latihan ditambah dari 20 kepada 50. Bagi kategori Pegawai Perubatan Tingkatan Biasa pula, terdapat 85 jawatan di Sabah yang mana sebanyak 82 jawatan telah diisi. Pada bulan September lalu, Kementerian telah menempatkan 3 orang lagi Pegawai Perubatan ke Sabah dan dengan ini kesemua jawatan Pegawai Perubatan Tingkatan Biasa telah diisikan. Di samping itu, 2 orang Pakar Perubatan Umum, seorang Pakar Perbidanan dan Sakitpuan, seorang Pakar Mata dan seorang Pegawai Perubatan yang telah dilatih dalam bidang Bius telah juga ditempatkan di Sabah sejak tahun 1979 untuk menambah jumlah pakar-pakar perubatan di negeri itu.

Saya suka menegaskan juga bahawa semua hospital dan klinik di seluruh negara, termasuk di Sabah, mempunyai ubat-ubatan yang mencukupi untuk menampung keperluan masing-masing. Akan tetapi, mungkin ada di antara hospital-hospital itu yang kekurangan satu-satu jenis ubat tertentu dari semasa ke semasa. Ini adalah disebabkan oleh masalah-masalah lojistik sementara, yang mana kadangkala tidak dapat dielakkan. Walau bagaimanapun, hospital-hospital Kerajaan biasanya mempunyai lebih daripada satu jenis ubat bagi sesuatu penyakit atau keadaan tertentu. Kementerian sentiasa berusaha untuk memastikan bahawa bekalan ubat-ubatan yang mencukupi dapat dibekalkan kepada hospital-hospital dan klinik-kliniknya. Sukacita juga saya

meyakinkan Ahli Yang Berhormat itu bahawa berdasarkan pengisian pegawai-pegawai perubatan yang lebih memuaskan dan kemudahan latihan yang sentiasa ditingkatkan, kecekapan dan prestasi kakitangan Kementerian adalah bertambah baik.

Di samping itu, beberapa langkah sedang juga diambil untuk memperbaiki lagi sistem pembekalan ubat-ubat ke hospital-hospital dan klinik-klinik Kerajaan di Sabah. Sebanyak 13 buah projek mengadakan setor perubatan yang teratur telah diluluskan bagi Negeri Sabah di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Ini termasuk Setor Perubatan Daerah dan Kawasan dan juga setor Perubatan untuk Hospital-hospital Besar dan Hospital Daerah.

Dato Dr Hee Tien Lai: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menyebutkan ada kekurangan satu-satu jenis ubat sahaja. Dari itu, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah dasar Kementerian Kesihatan mengenai pembekalan ubat kepada pesakit-pesakit dan adakah pembekalan ubat itu berdasarkan atas kos atau harga ubat yang berkenaan atau berdasarkan atas keperluan atau kepentingannya. Sebagai contoh ada berlaku beberapa kali di mana pesakit disuruh oleh doktor membeli ubat daripada dispensari atau tempat-tempat lain atas ubat-ubatan yang kurang digunakan setiap hari atau ubat yang lebih mahal, tetapi ada juga kes lain yang mana oleh kerana ubat itu lebih murah atau ubat biasa, pesakit itu diberikan satu plastik penuh cukup untuk satu dua bulan. Sebenarnya, ubat itu cukup untuk dijual kepada kedai ubat di bandar.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan seorang doktor tetapi saya diberitahu bahawa pembekalan ubat-ubatan di klinik-klinik, di hospital-hospital Kerajaan adalah didasarkan di atas keperluan. Tetapi memang ubat-ubatan yang menelan kos yang tinggi tidak dibekalkan banyak setoknya dan kadangkala mungkin ada shortage.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawap Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 25 adalah diberi di bawah ini)

KADAR BUNGA BANK PERDAGANGAN

11. Tuan Wong Hoong Keat minta Menteri Kewangan menyatakan kadar bunga utama semasa dikenakan oleh institusi-institusi kewangan, dan sebab-sebabnya terjadinya kenaikan kadar bunga yang terlampau pesat sekali.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Ahli Yang Berhormat mungkin masih ingat bahawa beliau telah mengemukakan soalan yang sama mengenai kadar faedah utama pada bulan Oktober tahun lepas. Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan telah memberitahu Dewan ini pada masa itu bahawa berkuatkuasa mulai daripada 23hb Oktober, 1978, bank-bank perdagangan telah dibenar untuk menentukan sendiri kadar-kadar faedah yang ditawarkan untuk deposit dan kadar faedah utama untuk pinjaman kepada pelanggan-pelanggan mereka yang terbaik.

Ahli Yang Berhormat mungkin ingin tahu bahawa kadar faedah bagi pinjaman oleh kesemua bank perdagangan secara purata ialah sebanyak 11.7 peratus setahun pada 30hb September, 1981, berbanding dengan 10.2 peratus setahun pada akhir tahun 1980. Kadar faedah pinjaman yang paling tinggi dikenakan ialah sebanyak 22 peratus setahun, manakala kadar faedah yang paling rendah ialah sebanyak 7 peratus setahun. Walaupun kadar faedah pinjaman telah meningkat pada amnya di sepanjang 9 bulan yang lepas, bank-bank perdagangan terus mematuhi kadar faedah maksima yang telah dikuatkuasakan oleh Bank Negara ke atas pinjaman-pinjaman kepada sektor-sektor utama supaya sektor-sektor ini akan terus mendapat kemudahan kredit bank pada kos yang berpatutan, seperti berikut:

- (a) pinjaman pada kadar faedah sebanyak 9 peratus setahun kepada masyarakat bumiputra untuk tujuan perniagaan, jika pinjaman tersebut tidak dijamin oleh Syarikat Jaminan Kredit dan ianya

tidak melebihi \$500,000 tiap-tiap satu pinjaman;

- (b) pinjaman pada kadar faedah sebanyak 9 peratus setahun kepada perusahaan-perusahaan kecil, dengan had pinjaman tidak melebihi \$250,000. Selain daripada itu, di bawah Sekem Pinjaman Khas Syarikat Jaminan Kredit yang telah dilancarkan pada 1hb Januari tahun ini, peniaga-peniaga kecil yang layak boleh meminjam sehingga \$50,000 tiap-tiap satu pada kadar faedah maksima sebanyak 7.5 peratus setahun; dan
- (c) pinjaman-pinjaman kepada orang-orang perseorangan untuk membeli rumah kediaman dengan kadar faedah sebanyak 10 peratus setahun dengan syarat kos tanah dan rumah di atasnya tidak melebihi \$100,000 tiap-tiap satu.

Kenaikan kadar faedah pinjaman oleh bank-bank perdagangan mencerminkan pertamanya, permintaan pinjaman yang meningkat di sepanjang 8 bulan yang lepas berbanding dengan pertambahan deposit; kedua, kenaikan kos bagi deposit oleh kerana kadar pertambahan deposit telah meleset berikutan dari kejatuhan hasil eksport dan pertambahan pendapatan, dan kedudukan imbalan pembayaran yang lemah; ketiga, kenaikan kos yang lebih tinggi bagi kumpulan wang yang telah dibawa masuk oleh bank-bank asing dan keempat, meningkatnya persaingan bukan sahaja di antara bank-bank, tetapi juga termasuk syarikat-syarikat kewangan dan bank-bank saudagar.

PASARAN SAHAM KUALA LUMPUR— KEJATUHAN HARGA

12. Tuan Alias bin Md. Ali minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab berlaku penurunan harga yang mendadak dalam Pasaran Saham Kuala Lumpur baru-baru ini yang menyebabkan kerugian besar kepada pelabur-pelabur kecil. Sama ada Kerajaan telah berjaya mengesan orang-orang dan pihak yang terlibat dalam perbuatan-perbuatan manipulasi yang tidak sihat. Apakah langkah yang akan diambil bagi menjamin keadaan ini tidak berulang di masa depan.

Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Kejatuhan harga saham yang mendadak baru-baru ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor kelemahan atau 'bearish' termasuk prestasi yang lemah di dalam pasaran barangan, kenaikan kadar faedah dan kedudukanimbangan pembayaran yang lemah.

Pada awalnya, kejatuhan dalam harga saham yang mendadak adalah disebabkan oleh penghantaran siji-siji saham yang banyak dalam keadaan Pasaran Saham Kuala Lumpur yang telah menjalankan perniagaan yang berlebihan dan harga pasaran pada keseluruhannya telah mencapai ke paras yang tidak lagi bersandarkan kesihatan ekonomi dan prestasi syarikat-syarikat. Di samping itu ahli-ahli spekulasi yang telah membeli saham-saham dengan harga yang tinggi terpaksa menjualkannya apabila mereka tidak dapat membayar harga saham tersebut. Penjualan yang terpaksa dibuat seperti ini adalah pengaruh yang besar menyebabkan kemerosotan harga saham. Mereka yang menjual saham tanpa memilikinya atau 'short sellers' dan pemegang-pemegang saham terbesar yang lain pula telah menggunakan peluang ini dengan menjual saham yang mereka tidak miliki atau 'short selling' untuk mendapat keuntungan yang cepat. Ini telah menjatuhkan lagi harga saham dalam pasaran.

Pelabur-pelabur kecil dan ahli-ahli spekulasi yang telah membeli saham-saham dengan harga yang tinggi akan mengalami kerugian yang besar apabila berlakunya kejatuhan harga yang mendadak. Kerajaan tidak dapat menghalang orang ramai dari membuat spekulasi di dalam pasaran saham. Walau bagaimanapun Kerajaan akan memastikan supaya terdapat undang-undang dan peraturan-peraturan tertentu untuk mengawal perniagaan sekuriti dan ianya dikuatkuasakan dengan tegas dan berkesan bagi menjamin perkembangan pasaran sekuriti yang teratur. Kerajaan juga akan memastikan bahawa terdapat undang-undang yang secukupnya untuk melindungi kepentingan semua pelabur-pelabur, terutamanya pelabur-pelabur kecil. Dalam pada itu, Akta Perusahaan Sekuriti 1973 akan dipinda tidak lama lagi untuk memberi

pengaruh yang lebih kepada Kerajaan di dalam pengurusan dan pentadbiran pasaran saham. Peruntukan baru juga akan diadakan untuk menambahkan lagi kuasa Jawatankuasa Keluaran Modal (Capital Issues Committee) dan untuk mengawal spekulasi yang berlebihan serta sebarang manipulasi dalam pasaran.

Saya suka juga menasihatkan kepada pelabur-pelabur kecil supaya berhati-hati apabila melabur di pasaran saham dan jangan melabur berasaskan turunnai harga saham-saham sahaja tanpa meneliti prestasi syarikat untuk mendapat keuntungan yang cepat. Padah cara melabur demikian ialah kerugian yang besar.

AGENSI-AGENSI PERISIK LUAR NEGERI

13. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan akan memerhatikan ajensi-ajensi perisik luar negeri yang disingkirkan sebagai personanon-grata tidak akan diterima oleh Kerajaan sebagai diplomat di Kedutaan mereka di Kuala Lumpur. Jika sedar, apakah sebab orang-orang yang tak diingini itu dapat diterima oleh Kerajaan seperti diplomat-diplomat Russia (KGB) yang disingkirkan dari negara ini baru-baru ini.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Musa Hitam): Soalan yang hampir sama dengan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat ini telah dijawab pada 12-10-81. Oleh itu saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

SEKOLAH-SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN—SYOR MENUKAR

14. Tuan P. Pato minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada pihak Kementerian pernah menerima sebarang syor daripada Pemuda UMNO meminta Menteri menguatkuasakan Fasal 21 (2) Akta Pelajaran 1961 yang memberi penuh kuasa kepada Menteri untuk menukar sekolah-sekolah jenis kebangsaan, iaitu Sekolah-sekolah Tionghua dan Tamil, kepada sekolah kebangsaan, dan jika ya, bila ia diterima dan apakah sikap dan pendirian Kerajaan terhadap syor itu.

Dato' Chan Siang Sun: Pihak Kementerian Pelajaran tidak pernah menerima sebarang syor daripada Pemuda UMNO mengenai perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Menglembu. Oleh kerana itu, soalan yang berikutannya tidak ada berkaitan.

PINJAMAN PKEN NEGERI SEMBILAN DIHAPUSKIRA

15. Tuan Chian Heng Kai minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab mengapa pinjaman sebanyak \$23 juta yang diberi oleh Kerajaan Pusat kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, Negeri Sembilan dihapusira; sama ada Kerajaan ingin buat demikian juga dengan segala pinjaman-pinjaman yang diberi oleh Kerajaan Pusat kepada Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri yang lain yang menanggung kerugian dan sama ada Kerajaan akan memberi satu 'public accounting' mengenai perkara hapuskira pinjaman \$23 juta itu kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, Negeri Sembilan.

Perdana Menteri: Kementerian Kewangan belum mengambil langkah menghapusira pinjaman sebanyak \$23 juta yang telah diberi kepada Kerajaan Negeri Sembilan untuk dipinjamkan kepada PKEN, Negeri Sembilan bagi projek tebu. Sebelum langkah diambil bagi menghapusira pinjaman sebanyak yang disebutkan tadi, Kementerian Kewangan hendaklah memastikan bahawa hutang tersebut tidak dapat dipungut. Soalan sama ada Kerajaan akan mengambil langkah menghapusira pinjaman-pinjaman kepada PKEN-PKEN yang lain yang menanggung kerugian perlu ditimbang mengikut keadaan sesuatu kes.

BOMBA MENYELAMATKAN RUMAH TERBAKAR

16. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada benar sebilangan ahli-ahli Balai Bomba di seluruh negeri semasa menyelamatkan rumah-rumah terbakar, mencuri barang-barang bernilai dari rumah itu; dan jika ya, apakah langkah-langkah berkesan yang akan diambil untuk mencegah perkara ini.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Sehingga masa ini belum ada laporan dan aduan-aduan yang diterima oleh Kementerian saya dari mana-mana pihak di negara ini yang mengatakan sebilangan ahli-ahli bomba mencuri barang-barang yang bernilai sewaktu mereka menjalankan tugas memadamkan kebakaran. Dakwaan Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak benar. Oleh yang demikian, tidak ada apa-apa langkah dan tindakan telah diambil mengenai dengan perkara yang tersebut.

IKAN/UDANG/KETAM—MEMBIAKKAN

17. Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kementerian Pertanian bercadang untuk menyediakan bahan-bahan yang boleh membiakkan ikan, udang, ketam dan beberapa jenis karangan laut di pantai negara ini untuk faedah nelayan-nelayan kecil, kerana pada masa ini hasil tangkapan nelayan-nelayan kecil itu sangat berkurangan sebab bahan tangkapan itu merosot dari masa ke semasa.

Dato' Haji Abdul Manan bin Othman: Kementerian Pertanian telahpun melaksanakan program pembinaan tukun tiruan semenjak tahun 1975 lagi bagi tujuan memelihara sumber-sumber perikanan demi kepentingan nelayan-nelayan kecil. Tukun-tukun tiruan yang dibina dari tayar-tayar buruk ini akan menjadi tempat perlindungan bagi berbagai jenis ikan dan udang untuk membiak dan membesar dalam keadaan semula jadi tanpa banyak gangguan dari kegiatan musuh seperti pukut tunda, pukut kenka 2 bot, pompang dan sebagainya. Setakat ini, projek ini telah dibina di Pulau Telur (Kedah), Pulau Paya (Kedah), Pulau Aman (Pulau Pinang), Pulau Ketam (Perak), Pulau Pisang (Johor) dan Pulau Ekor Tebu (Trengganu). Penyelidikan-penyelidikan masih terus dijalankan untuk melanjutkan projek ini ke kawasan-kawasan lain yang sesuai.

Di samping langkah ini, Kementerian Pertanian telah juga menetapkan dasar menghadkan kegiatan pukut tunda di luar kawasan 5 batu dari pantai dan membesarkan

mata pukat di bahagian kandul dari 1 inci kepada 1½ inci. Dengan kedua-dua tindakan ini maka tangkapan berlebihan sumber-sumber perikanan pantai terutama sekali pembaziran sumber anak ikan laut, udang dapat dikurangkan. Di samping itu, keutamaan adalah diberi untuk mengeluarkan benih-benih ikan dan udang untuk pembangunan ternakair pantai di mana nelayan-nelayan kecil akan juga dapat menikmatinya.

RTM—MEMBAHAGI RANCANGAN

18. Tuan V. David minta Menteri Penerangan menyatakan oleh kerana Kerajaan merancang untuk menyusun semula RTM bolehkah Kerajaan menimbang untuk membahagi rancangan RTM di atas dasar berikut bagi menjamin semua kaum menikmati kebudayaan dan bahasa masing-masing dengan sebenar-benarnya:

Television

2 saluran untuk Bahasa Malaysia.

1 saluran untuk Bahasa China.

1 saluran untuk Bahasa Tamil, dan
begitu juga bagi rancangan Radio.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Kementerian saya tidak dapat mengadakan saluran televisyen yang khusus untuk satu-satu kaum yang tertentu di negara ini, kerana tindakan seperti itu adalah bertentangan dengan usaha Kerajaan hendak menyatu padukan rakyat yang berbilang kaum di negara ini. Selain daripada perkara-perkara asas itu, cadangan Ahli Yang Berhormat itu, andainya diterima, akan melibatkan kos yang amat besar serta memerlukan tenaga terlatih yang ramai. Dari apa yang diketahui tidak ada negara lain di dunia ini, walaupun yang menganut dasar penggunaan berbagai bahasa rasmi (multi-lingualism), yang sanggup mengadakan kemudahan seperti itu. Kementerian saya berpuas hati bahawa dua saluran TV dan beberapa rangkaian radio yang ada sekarang adalah mencukupi untuk tujuan dan matlamat penyiaran yang hendak dilaksana dan dicapai bagi kepentingan rakyat dan negara ini seluruhnya.

BAKAL HAJI BERSENDIRIAN

19. Dato' Haji Yusoff bin Malim Kuning minta Perdana Menteri menyatakan apakah sebabnya masih terdapat lagi sebilangan orang Islam menunaikan Fardhu Haji dengan cara bersendirian atau melalui Syarikat-syarikat Swasta, sedangkan Kerajaan sudahpun menubuhkan Lembaga Urusan dan Tabung Hajinya.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Ada beberapa sebab mengapa sebilangan bakal-bakal haji Malaysia menunaikan Fardhu haji dengan cara bersendirian atau melalui syarikat-syarikat swasta dan tidak melalui Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Antaranya ialah:

- (i) Kerana mendapat tambang percuma daripada Syarikat Penerbangan MAS atau dari Rabitah Islamiah di Mekkah.
- (ii) Kakitangan Kerajaan yang dapat tambang Kerajaan untuk mengelilingi dunia.
- (iii) Mereka dalam bidang lawatan rasmi Kerajaan Pusat atau Negeri kerana menghadiri Mesyuarat, Seminar atau kursus di luar negeri.
- (iv) Rakyat Malaysia keturunan India atau Pakistan yang hendak menziarahi keluarga di India atau Pakistan sebelum ke Tanah Suci.
- (v) Penuntut Malaysia yang hendak melanjutkan pelajaran di luar negeri.
- (vi) Mereka yang mempunyai keluarga di Arab Saudi yang dapat menjaga mereka.

Untuk mereka di atas pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji boleh memberi kebenaran khas kepada mereka menunaikan Fardhu Haji tanpa melalui penerbangan Carter LUTH/MAS.

Selain daripada itu terdapat juga bakal haji Malaysia menunaikan Fardhu Haji secara bersendirian atau melalui syarikat-syarikat swasta atau sebagainya tanpa kebenaran Tabung Haji. Mereka berbuat demikian melalui berbagai-bagai alasan dan jalan yang tidak dapat diterima oleh Lembaga Urusan

dan Tabung Haji. Walau bagaimanapun, kita akan mengkaji masalah ini dengan lebih teliti dan bijaksana dan mengambil kira semua masalah yang terlibat selain penggunaan undang-undang yang ada.

SISTEM KAD PERAKAM WAKTU

20. Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sistem Kad Perakam Waktu yang digunakan di pejabat Kerajaan pada masa ini telah mendapat sokongan rakyat, jika sedar, adakah beliau bercadang akan mengenakan sistem ini di semua pejabat-pejabat Kerajaan.

Menteri Tak Berpotfolio di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Saya sedar. Kerajaan merancang menggunakan sistem ini di semua pejabat Kerajaan secepat mungkin.

ASET KELUARGA MENTERI PERSEKUTUAN/NEGERI

21. Tuan Lee Kaw minta Perdana Menteri menyatakan berapa ramaikah Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen, Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri, Ahli-ahli Exco Negeri dan Menteri-menteri Negeri yang masih belum mengisytiharkan aset-aset mereka dan keluarga mereka, dengan memberikan nama mereka dan bilakah mereka dikehendaki mengemukakan perisytiharan-perisytiharan itu, dan nyatakan berapa dari mereka yang mempunyai aset-aset termasuk aset-aset keluarga mereka dalam kategori yang berikut:

- (i) melebihi \$1 juta
- (ii) melebihi \$2 juta
- (iii) melebihi \$3 juta
- (iv) melebihi \$4 juta
- (v) melebihi \$5 juta
- (vi) melebihi \$10 juta

Perdana Menteri: Jawapan kepada soalan ini adalah hampir sama dengan jawapan yang diberi kepada soalan No. 14 daripada Ahli Yang Berhormat dari Sandakan pada 13-10-81. Saya tidak bercadang hendak

membuat apa-apa tambahan kepada jawapan itu.

SISTEM JAM MASUK KERJA

22. Dato Michael Chen Wing Sum minta Perdana Menteri menyatakan bahawa sistem "Jam-Masuk Kerja" yang dikenakan baru-baru ini untuk Pegawai-pegawai Kerajaan adakah membawa penghasilan, jika ada, sila nyatakan setakat manakah penghasilannya tercapai.

Dato Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Penjelasan mengenai sistem perakam waktu ini telahpun saya sampaikan semasa menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas pada 12hb Oktober 1981. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

MODAL EKUITI— STRUKTUR PERJAWATAN BANK PERDAGANGAN

23. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Kewangan menyatakan kejayaan yang telah dicapai berkaitan dengan kata dua yang diberikan kepada bank-bank perdagangan untuk menentukan tarikh penyusunan semula modal ekuiti dan pengambilan pekerja-pekerja baru berdasarkan kepada komposisi kaum dan nyatakan kedudukan modal serta pengambilan pekerja baru tersebut dalam tahun 1970 dan 1981 dengan memberikan angka-angka pecahan mengikut Bumiputra, Cina, India dan lain-lain dan orang asing.

Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Bank-bank perdagangan sentiasa digalakkan supaya menyusun semula modal ekuiti dan struktur perjawatan mereka selaras dengan kehendak Dasar Ekonomi Baru. Pada akhir bulan Disember 1970, kepentingan bumiputra memiliki \$10.5 juta atau 9.8 peratus daripada jumlah modal ekuiti sebanyak \$107.3 juta bagi bank-bank perdagangan tempatan (termasuk 9.3 peratus yang dipegang secara amanah untuk bumiputra oleh Kerajaan Persekutuan, badan-badan berkanun dan syarikat-syarikat yang dikuasai oleh Kerajaan), sementara bukan-bumiputra pula memiliki \$69.2 juta atau \$64.5 peratus daripada modal ekuiti. Sebanyak \$27.6 juta atau 25.7 peratus lagi

dipegang oleh kepentingan asing. Semenjak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, struktur ekuiti bank-bank perdagangan telah berubah dengan nyatanya. Pada 30hb Jun 1981; kepentingan bumiputra di dalam semua bank tempatan yang mempunyai penyertaan Bumiputra memiliki \$474.1 juta atau 67.8 peratus daripada jumlah modal dibayar sebanyak \$699.1 juta bagi bank-bank perdagangan tempatan (termasuk 59.1 peratus yang dipegang secara amanah untuk bumiputra oleh Kerajaan Persekutuan, badan-badan berkanun syarikat-syarikat yang dikuasai oleh Kerajaan, termasuk Perbadanan Nasional Berhad), dan 77.6 peratus di dalam bank-bank di mana Bumiputra mempunyai kawalan majoriti sementara \$133.9 juta atau 19.2 peratus dipegang oleh bukan-bumiputra. Ekuiti yang dipegang oleh kepentingan asing berjumlah \$91.1 juta atau 13 peratus daripada jumlah modal dibayar.

Struktur perjawatan bank-bank perdagangan telah berkembang dengan baik semenjak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru bagi menggambarkan komposisi kaum di negara ini. Pada akhir tahun 1971, industri bank mempunyai jumlah pekerja seramai 10,142 orang. Dari jumlah tersebut sebanyak 22 peratus terdiri daripada kaum Bumiputra, iaitu termasuk seramai 10 orang di peringkat pengurusan kanan dan 235 orang di peringkat penyeliaan, sementara kaum Cina pula berjumlah 66.6 peratus daripada jumlah para-pekerja, iaitu seramai 111 orang di peringkat pengurusan kanan dan 1,628 orang di peringkat penyeliaan. Kaum India pula berjumlah 8.9 peratus daripada jumlah para pekerja, iaitu seramai 5 orang di peringkat pengurusan kanan dan 73 orang di peringkat penyeliaan. Kaum-kaum lain meliputi 2.5 peratus daripada jumlah para pekerja, iaitu seramai 51 orang di peringkat pengurusan kanan dan 54 orang di peringkat penyeliaan.

Jumlah para pekerja di dalam industri bank telah bertambah lebih daripada dua kali ganda menjadi 25,543 pekerja semuanya pada 30hb Jun 1981. Kaum Bumiputra berjumlah seramai 10,946 orang atau 42.9 peratus daripada jumlah pekerja, iaitu termasuk seramai 116 orang di peringkat pengurusan kanan dan 2,680 orang di peringkat penyeliaan. Jika diambilkira bilangan kakitangan

bumiputra di peringkat pengurusan kanan dan peringkat penyeliaan masing-masingnya ialah sebanyak 25.7% dan 39.1%. Sementara itu kaum Cina pula berjumlah 12,060 orang atau 47.2 peratus daripada jumlah pekerja bank iaitu termasuk juga seramai 251 orang di peringkat pengurusan kanan dan 3,749 di peringkat penyeliaan. Jumlah ini jika diambil kira mengikut peringkat jawatan pula, maka peratusnya masing-masing ialah 55.5% di peringkat pengurusan kanan dan 54.7% di peringkat penyeliaan. Kaum India pula berjumlah seramai 2,233 orang atau 8.7 peratus daripada jumlah pekerja bank, iaitu seramai 23 orang di peringkat pengurusan kanan dan 375 orang di peringkat penyeliaan. Sebanyak 0.9 peratus lagi daripada jumlah pekerja bank adalah dari kaum-kaum lain, iaitu seramai 2 orang di peringkat pengurusan kanan dan 42 orang di peringkat penyeliaan. Bakinya sebanyak 0.3 peratus adalah terdiri daripada warganegara asing.

**PEGAWAI KERAJAAN/AHLI
PARLIMEN/AHLI DEWAN
UNDANGAN NEGERI—
PENGISYTIHARAN HARTA BENDA**

24. Tuan Lim Cho Hock minta Perdana Menteri menyatakan apakah kategori pegawai Kerajaan, Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri yang dikehendaki untuk mengisytiharkan harta-harta mereka. Berapa lama sekalikah mereka dikehendaki untuk mengisytiharkan harta-benda mereka supaya ianya 'up to date'. Sudahkah beliau menubuhkan sebuah Jawatankuasa untuk memastikan kebenaran perisytiharan yang dibuat kepadanya.

Dato Abdullah bin Abdul Rahman: Mengikut Perintah-perintah Am (Kelakuan dan Tatatertib) Bab 'D' 1980 semua Pegawai Kerajaan dalam Kumpulan A hingga Kumpulan D adalah dikehendaki untuk mengisytiharkan harta yang dipunyai oleh mereka, suami/isteri, anak-anak dan juga tanggungan mereka. Laporan itu hendaklah dibuat kepada Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan tidak lewat dari 3 bulan dari tarikh pemilikan harta itu. Jabatan Perkhidmatan Awam akan mengeluarkan suatu Pekeliling Perkhidmatan baru untuk

melaksanakan kehendak-kehendak Perintah Am Bab "D" itu dengan lebih berkesan lagi.

Untuk memastikan bahawa Kerajaan mempunyai laporan perisytiharan harta kakitangannya secara 'up to date', kakitangan Kerajaan dikehendaki menyampaikan laporan mengenai harta tambahan yang diperolehi mereka dari semasa ke semasa dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh pemilikan harta tambahan itu. Tindakan juga sedang diambil untuk memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bagi membolehkannya meminta mana-mana kakitangan Kerajaan mengisytihar hartanya pada bila-bila masa sahaja.

Mengenai Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri hanya mereka yang menjadi Anggota Pentadbiran sahaja dikehendaki membuat pengisytiharan harta. Mereka ialah Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen, Menteri-menteri Besar/Ketua-ketua Menteri, Ahli-ahli Exco dan Setiausaha-setiausaha Politik. Mereka dikehendaki membuat pengisytiharan itu tiap-tiap 2 tahun sekali.

Kerajaan telahpun mempunyai jentera untuk memastikan bahawa pengisytiharan yang dibuat adalah benar.

TARAF PEMASTAUTIN TETAP KEPADA ISTERI ASING

25. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar peraturan-peraturan sekarang yang mengawal kemasukan dan penetapan di negara ini dan pengurniaan taraf pemastautin tetap kepada isteri-isteri asing warganegara Malaysia menyebabkan kesusahan dan ketidak selesaan amat sangat kepada ramai warganegara Malaysia dan anak-anak mereka, jika ya, sama ada Menteri berkenaan akan mengenakan satu dasar baru berkait dengan soal ini supaya suami-suami di Malaysia dan anak-anak mereka tidak terpaksa dipisahkan secara tidak adil dari isteri dan ibu masing-masing seperti mana berlaku sekarang.

Dato' Musa Hitam: Pemberian taraf penduduk tetap kepada orang-orang dari negara asing termasuk isteri asing kepada

warganegara adalah tertakluk kepada Akta Imigresen 1959/63 dan Peraturan Imigresen 1963. Taraf penduduk tetap diperolehi ialah dengan cara pengeluaran Permit Masuk yang mana ianya hanya boleh dikeluarkan kepada mereka yang terkecuali daripada Perintah Imigresen (Larangan Masuk) LN 227/63.

Perlulah ditegaskan di sini bahawa seseorang isteri asing kepada warganegara tidaklah mempunyai apa-apa hak istimewa (as of right) untuk mendapat permit masuk untuk tinggal tetap semata-mata berasaskan bahawa suaminya seorang warganegara Malaysia.

Walau bagaimanapun, pada 6-2-1980 Kerajaan telah memberi kelonggaran kepada isteri asing kepada warganegara yang berkahwin sebelum 6-2-1980, di mana mereka ini dibenarkan tinggal di negara ini atas dasar setahun ke setahun selama 5 tahun di atas Pas Lawatan.

Saya suka menyatakan di sini bahawa Kerajaan adalah sedar tentang masalah yang dikehendaki oleh isteri asing kepada warganegara yang berkahwin selepas tarikh yang telah ditetapkan itu. Mengenai masalah ini saya sedang mengkaji semula dasar yang ada itu dan suatu pengumuman akan dibuat apabila kajian itu selesai kelak.

USUL

ATURAN URUSAN MESYUARAT

Menteri kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peruntukan Peraturan Mesyuarat 14 (2), Dewan ini akan menimbangkan Rang Undang-undang Harta Pesaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) DR. 22/81, setelah sahaja usul Menteri Kewangan sebagai item 1 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini selesai dibincangkan dan diluluskan.

Dato' Seri Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peruntukan Peraturan Mesyuarat 14 (2), Dewan ini akan menimbangkan Rang Undang-undang Harta Pesaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) DR. 22/81, setelah sahaja usul Menteri Kewangan sebagai item 1 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini selesai dibincangkan dan diluluskan.

USUL

AKTA ACARA KEWANGAN, TAHUN 1957 Kumpulanwang Pendahuluan Untuk Negeri

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen-kecil (4) (a) Seksyen 10 di dalam Akta Acara Kewangan, Tahun 1957, Dewan ini mengambil ketetapan bahawa Jadual Kedua kepada Akta tersebut dipinda dengan menambah butiran baru seperti berikut—

Kumpulanwang Pendahuluan Untuk Negeri (16hb Oktober, 1981).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Kulim-Bandar Baharu yang saya telah beri peluang untuk bercakap pada hari ini telah memberitahu saya tidak mengambil peluang itu. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan untuk menjawab.

3.40 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Penubuhan Kumpulanwang Pendahuluan Untuk Negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah meminta penjelasan apakah sebabnya Kumpulanwang ini perlu diwujudkan kerana telahpun ada Kumpulanwang Cadangan Untuk Negeri (State Reserve Fund). Saya suka menjelaskan bahawa walaupun ada Kumpulanwang Cadangan Untuk Negeri (State Reserve Fund) ini perjalanan pada masa ini tidaklah begitu praktikal oleh kerana

bagi kita hendak mengeluarkan peruntukan dari Kumpulanwang Cadangan Untuk Negeri, pertamanya memerlukan kelulusan daripada Majlis Kewangan Negara (National Finance Council) dan juga kita tidak dapat mengetahui sebenarnya berapa banyakkah kekurangan kewangan bagi sesebuah negeri pada sesuatu ketika.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menjelaskan di dalam Dewan ini bahawa Kementerian Kewangan menerima permintaan mengikut kebiasaannya pada pertengahan sesuatu tahun bagi negeri-negeri yang dikatakan kekurangan ataupun kesempitan kewangan. Negeri-negeri yang selalu dikatakan sebagai negeri-negeri yang selalu dikatakan sebagai negeri-negeri yang deficit (deficit States) seperti Kelantan, Perlis dan Kedah membuat permohonan kepada Kerajaan melalui Kementerian Kewangan pada pertengahan tahun berdasarkan kepada forecast ataupun estimate perbelanjaan berbanding dengan hasil (revenue) negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana permohonan itu diasaskan kepada forecast ataupun estimate, maka Kerajaan amatlah sukar hendak mengeluarkan secara sertamerta peruntukan daripada Kumpulanwang Cadangan Untuk Negeri kerana perlu terlebih dahulu diketahui secara lebih mendalam lagi keperluan sebenarnya sesebuah negeri itu. Jadi cadangan Kerajaan bagi mengatasi kesulitan yang kita sedang hadapi pada masa ini walaupun kaedah sekarang membenarkan kita memberi pendahuluan kepada negeri-negeri ialah bagi mewujudkan Kumpulanwang Pendahuluan Untuk Negeri yang mana dengan adanya Kumpulanwang ini maka Kerajaan dengan cara yang lebih mudah, dengan lebih segera lagi dapat memberi pendahuluan kepada negeri-negeri dan selepas akaun-akaun negeri-negeri diodit oleh pihak yang berkenaan maka bolehlah diselaraskan ataupun menggunakan istilah accounting, dijournalizedkan dan seterusnya bolehlah Kerajaan meminta daripada Majlis Kewangan Negara untuk meluluskan satu peruntukan bagi menutup ataupun bagi memenuhi kekurangan kewangan yang dihadapi oleh negeri-negeri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hendak memahami perjalanan cara kita hendak

mendahulukan peruntukan kepada negeri-negeri dan juga konsep yang sedang dicadangkan ini ada dua perkataan yang merupakan perkataan pokok dalam memberi kefahaman kepada kita semua di atas konsep yang hendak dicadangkan oleh Kerajaan. Yang pertama ialah perkataan "pendahuluan" dan yang kedua ialah perkataan "Belanja Mengurus". Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang akan dikeluarkan dari Kumpulanwang Pendahuluan Untuk Negeri yang dicadangkan ini merupakan satu pendahuluan daripada Kerajaan ataupun advance. Setelah diketahui secara estimate ataupun secara forecast berapa banyakkah sesebuah negeri itu kesempitan kewangannya bolehlah ianya membuat permohonan kepada Kerajaan dan Kerajaan akan mendahulukan peruntukan daripada Kumpulanwang Pendahuluan Untuk Negeri yang dicadangkan ini. Setelah wang ini didahulukan maka Kerajaan akan menunggu, apabila kita sudah terima akaun-akaun yang diodit daripada negeri-negeri maka peruntukan yang didahulukan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri akan ditutup balik dengan peruntukan yang kita akan perolehi daripada Kumpulanwang Cadangan Untuk Negeri (State Reserve Fund).

Tuan Yang di-Pertua, pendahuluan ini akan diberi untuk mengatasi kekurangan-kekurangan dari segi Belanja Mengurus sahaja, bukan dari segi Belanja Pembangunan. Oleh sebab itu maka saya nampak ada sedikit salah tanggapan dari kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai cadangan Kumpulanwang Pendahuluan Untuk Negeri ini kerana jumlah \$50 juta itu disalah anggap sebagai satu peruntukan bagi mengisi keperluan keseluruhannya untuk negeri-negeri. Ini bukan tujuan Kerajaan kerana peruntukan pembangunan untuk negeri-negeri akan dibiayai sama ada daripada peruntukan kewangan negeri itu sendiri ataupun daripada geran ataupun pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama penubuhan Kumpulanwang Pendahuluan Untuk Negeri ini ialah bagi mengatasi masalah kesempitan kewangan (cash-flow

problem) yang dihadapi oleh negeri-negeri yang biasa dikatakan sebagai deficit States itu. Oleh sebab itulah maka yang dikatakan peruntukan \$50 juta yang tidak cukup, memanglah tidak cukup kalau kita hendak ambil kira pembangunan pada keseluruhannya di negeri-negeri yang mana sepertimana kita ketahui negeri-negeri memerlukan pertolongan kewangan, sama ada dari dalam bentuk geran, dalam bentuk hasil ataupun dalam bentuk pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Peruntukan \$50 juta juga ini adalah khas untuk menampung keperluan kekurangan Kewangan dari segi Belanja Mengurus sahaja yang dihadapi oleh deficit States yang saya telah sebutkan tadi dan jumlah \$50 juta ini akan dikaji dari masa ke semasa dan jika perlu akan ditambahkan lagi oleh pihak Kerajaan. Justeru itu, tidaklah timbul sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda, iaitu kita memberi selimut yang pendek, kalau tutup kaki di bawah terdedahlah bulu di dada. Tuan Yang di-Pertua, itupun kalau ada bulu di dada, kalau tak ada, cerita lain pula.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya mengambil kesempatan di sini untuk menghuraikan bantuan-bantuan kewangan sebagai untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini, Kerajaan memberi beberapa jenis bantuan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri mahupun dalam bentuk hasil yang diberikan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, mahupun dalam bentuk pinjaman. Pertama, selain daripada peruntukan yang diberi untuk menampung kekurangan dari segi Belanja Mengurus, Kerajaan Persekutuan juga memberi pemberian mengikut bilangan orang ataupun yang dikatakan sebagai capitation grant. Pemberian ini dibuat mengikut peruntukan Perkara 109 (1) (a) Perlembagaan Persekutuan. Kadar yang digunakan sekarang ini ialah bagi 100,000 orang yang pertama \$20 sekepala, bagi 150,000 orang yang kedua sebanyak \$10 sekepala, bagi 250,000 orang yang ketiga sebanyak \$6 sekepala dan baki yang lebih sebanyak \$3 sekepala. Mulai dari tahun 1981 (tahun ini) pemberian ini dibuat berdasarkan anjuran penduduk pada tiap-tiap tahun di tiap-tiap negeri iaitu seperti yang tertera dalam Akta Pindaan Perlembagaan A514/81.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa-masa yang lalu pemberian ini telah didasarkan kepada census yang dibuat tiap-tiap lima tahun dan adalah didapati bahawa pemberian tersebut tidaklah begitu realistik oleh kerana bilangan penduduk berubah dari setahun ke setahun dan perlulah diasaskan pada angka yang lebih kemas kini lagi. Jumlah pemberian kepada Kerajaan-kerajaan Negeri bagi tahun 1981 ialah sebanyak \$83.8 juta berbanding dengan \$71.97 juta pada tahun 1980.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, ialah pemberian jalanraya negeri (road grant). Peruntukan ini dibuat mengikut peruntukan Perkara 109 (1) (b) Perlembagaan Persekutuan yang bertujuan membantu negeri-negeri menyanggarkan jalan-jalan mereka. Di bawah Akta Pindaan Perlembagaan A514/81 kadar pemberian jalan adalah berdasarkan kos penyenggaraan jalan di tiap-tiap negeri atau pukol rata bagi sesuatu ataupun sesebuah negeri. Sebelum itu kadar yang dipakai ialah national average sebanyak \$6,200 sebati setahun. Perkiraan sedang dibuat bagi menentukan state average untuk tiap-tiap negeri dan dijangka dapat dilaksanakan pada tahun 1982 setelah diluluskan oleh Majlis Kewangan Negara. Pada masa ini pembayaran masih dibuat atas kadar \$6,200 dan jumlah pemberian untuk tahun 1981 ialah kira-kira \$88 juta.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga, ialah pemberian yang dikatakan pemberian pertambahan hasil (revenue growth grant). Pemberian ini dibuat di bawah Akta Pemberian Pertambahan Hasil (Pindaan) 1980. Pemberian ini adalah berasaskan kepada prinsip revenue sharing. Apabila hasil Persekutuan meningkat, Negeri-negeri akan juga dapat menikmati bersama. Pada masa ini ceiling yang ditetapkan ialah sebanyak \$100 juta dan pada tahun 1981 Kerajaan-kerajaan Negeri menerima bayaran sepenuhnya iaitu sebanyak \$100.

Tuan Yang di-Pertua, di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap telah menyentuh mengenai perlunya diberi keutamaan kepada negeri-negeri yang kurang maju.

Tuan Yang di-Pertua, memang inilah prinsip ataupun kriteria yang digunakan oleh

Kerajaan dalam menentukan pembahagian peruntukan kepada negeri-negeri dengan tujuan kita dapat menyamakan kedudukan negeri-negeri yang kurang maju dengan negeri-negeri yang lebih maju.

Selain daripada peruntukan melalui Jabatan-jabatan Kerajaan dan Kementerian-kementerian Kerajaan, Negeri-negeri yang kurang maju juga diberi keistimewaan dalam perkiraan pemberian pertambahan hasil ini (revenue growth grant).

Tuan Yang di-Pertua, formula ataupun sifir yang dipakai bagi membahagi-bahagikan grant ini memberi keutamaan kepada negeri-negeri yang kurang maju dan kira-kira 40% dari jumlah grant ini diterima oleh Negeri-negeri Kelantan, Kedah dan Perlis. Sebagai perbandingan, Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 1981 Negeri Kedah telah menerima \$12.3 juta, Negeri Kelantan \$14.8 juta, Negeri Perlis \$10.4 juta berbanding dengan negeri-negeri yang lebih maju seperti Negeri Selangor yang menerima \$4.3 juta, Negeri Johor \$5.8 juta dan Negeri Sabah \$3.7 juta.

Tuan Yang di-Pertua, yang keempat, ialah pemberian hasil yang dikatakan serahan 10% cukai eksport bijih timah. Tuan Yang di-Pertua, kadar yang dipakai sekarang ialah sebanyak 10% dari jumlah kutipan cukai eksport bijih bagi tahun sebelumnya. Dalam tahun 1980 serahan cukai yang telah dibayar kepada negeri-negeri berjumlah \$54.5 juta dan pembayaran dalam tahun 1981 ialah \$57.6 juta.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, yang kelima ialah lain-lain bantuan kepada Kerajaan Negeri yang disalurkan melalui Jabatan dan Kementerian Kerajaan Persekutuan walaupun atas perkara-perkara yang menjadi tanggungjawab Kerajaan-kerajaan Negeri. Selain daripada menerima bantuan kewangan dalam bantuan grant dan serahan hasil Kerajaan-kerajaan negeri juga dibantu dari segi pembiayaan projek-projek negeri seperti bekalan air luar bandar, pembinaan jalan-jalan luar bandar, lain-lain kemudahan asas seperti jalan-jalan kampung dan membaharui ataupun memperbaiki Pejabat-pejabat Daerah dan Pejabat-pejabat Tanah.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 1981 jumlah peruntukan di bawah Kepala Bekalan

Air ialah sebanyak \$44 juta, di bawah Jalan Luar Bandar \$305 juta, lain-lain Kemudahan Asas \$80 juta dan peruntukan yang telah disalurkan untuk membaiki ataupun membaharui Pejabat Daerah dan Pejabat Tanah sebanyak \$15 juta menjadikan jumlah besarnya \$444 juta yang telah disalurkan dari Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat seperti Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah menimbulkan kapasiti ataupun soal keupayaan Kerajaan dalam melaksanakan projek-projek yang telahpun dapat diluluskan. Sukacita saya menyatakan di sini bahawa Kerajaan telahpun menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kabinet mengenai langkah-langkah bagi mempercepatkan pelaksanaan projek-projek pembangunan. Jawatankuasa ini telahpun mengeluarkan laporannya dan sebanyak 91 perakuan-perakuan telah dibuat oleh Jawatankuasa Kabinet ini dan sedang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan. Laporan ini Tuan Yang di-Pertua, di antaranya ialah untuk menambahkan keupayaan, perancangan dan pelaksanaan di peringkat negeri dengan mengadakan kakitangan yang terlatih dan menambahkan bilangan kakitangan yang sedia ada.

Kedua, bagi mewujudkan sebuah agensi yang dinamakan PESAKA BUMI khusus bagi membantu pemborong-pemborong bumiputra menyelesaikan masalah yang mereka hadapi serta memberikan khidmat nasihat teknik.

Ketiga, sebuah Pasukan Petugas diwujudkan di bawah Jabatan Pengarah Tanah dan Galian bagi menyelesaikan masalah pengambilan tanah di negeri di samping pasukan petugas tertentu untuk projek-projek pembangunan Kerajaan Pusat seperti Lebuhraya dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Kerajaan-Kerajaan Negeri pula adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri masing-masing untuk menentukan kaedah-kaedah yang baru yang boleh mempercepatkan lagi pelaksanaan projek-projek di bawah Kerajaan Negeri. Suka saya menjelaskan di sini salah satu punca daripada apa yang

dikatakan sebagai shortfall di dalam perbelanjaan peruntukan Kerajaan Negeri telah wujud oleh kerana Kerajaan Negeri mengamalkan apa yang dikatakan sebagai deficit budgeting iaitu Tuan Yang di-Pertua, walaupun dikira kutipan hasil (revenue) tidak seimbang dengan nilai projek-projek yang diluluskan oleh Kerajaan tetapi pihak Kerajaan-kerajaan Negeri masih memasukkan projek-projek tersebut dalam senarai projek-projek yang diluluskan. Amalan seperti ini menimbulkan banyak lagi masalah oleh kerana kalau tidak ada kewangan maka projek itu tidak dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, Ahli-ahli Yang Berhormat ada juga telah membangkitkan berkenaan dengan pengurusan kewangan di peringkat negeri. Suka saya menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan memang sentiasa bersedia untuk memberi bantuan khidmat dan nasihat serta menyediakan kemudahan-kemudahan latihan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri supaya pengurusan kewangan dapat dilakukan dengan cara yang lebih berkesan dan lebih teratur lagi. Selain daripada menentukan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri supaya bilangan kakitangan yang cukup dan juga memberikan latihan serta garis panduan kepada pegawai-pegawai yang berkhidmat sebagai Controlling Officer di dalam Kerajaan-kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan juga telah berkerjasama secara rapat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri bagi mengubah format Budget ataupun Belanjawaan yang disediakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Kalaulah dahulu amalannya ialah apa yang dikatakan sebagai "one line budget" sahaja tetapi ini sudahpun diubah kepada sistem baru yang dikenalkan sebagai sistem belanjawan "program dan prestasi" (programme and performance budgeting). Tuan Yang di-Pertua, di bawah kaedah dan cara yang baru yang lebih menitikberatkan hasil ataupun output dan menentukan bahawa budgetary control yang lebih baik lagi dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Ahli Yang Berhormat yang telah meminta supaya Kumpulanwang Pendahuluan ini diberi juga kepada Wilayah Persekutuan, suka saya mengatakan bahawa di bawah peruntukan

Perlembagaan Negara. Wilayah Persekutuan tidak sama tarafnya sebagai sebuah negeri dan oleh sebab itulah cadangan kumpulanwang untuk negeri-negeri ini tidak akan dapat didahulukan untuk Wilayah Persekutuan. Walau bagaimanapun, Wilayah Persekutuan adalah di bawah jagaan terus kepada Kerajaan Persekutuan dan masalah kesempitan kewangan dari segi belanja mengurus tidaklah timbul.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai makluman tambahan kepada Ahli Yang Berhormat, jumlah pinjaman yang telah diberikan oleh Kerajaan Persekutuan untuk berbagai projek yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri amatlah besar di bawah Rancangan Malaysia Ketiga umpamanya Kerajaan Pusat telah memberikan pinjaman bagi projek-projek yang merupakan projek perumahan awam kos rendah, bekalan air kepada SEDCS dan juga untuk tujuan-tujuan yang lain. Di bawah kepala Projek Perumahan Awam Kos Rendah umpamanya sebanyak \$529,795,000 telah disalurkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan di bawah Bekalan Air umpamanya sebanyak \$280 juta dan kepada PKEN sebanyak lebih kurang \$537 juta.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan pelaksanaan Laporan Gaji Kabinet (Cabinet Committee Report) yang telah menaikkan gaji kepada kakitangan dan pegawai Kerajaan, boleh dikatakan semua negeri menghadapi masalah untuk membayar kadar gaji yang baru yang telah diluluskan pada pertengahan tahun 1980. Kerajaan Persekutuan telah membantu Kerajaan-kerajaan Negeri untuk membayar kenaikan gaji tersebut secara memberi pendahuluan daripada Kumpulanwang Perbelanjaan Luar Jangka (Contingencies Fund). Pada tahun 1980 sebanyak \$91.2 juta telah disalurkan kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan tersebut dan adalah dijangka bagi tahun 1981 ini jumlah sebanyak \$180 juta Kerajaan Persekutuan akan diberi kepada Kerajaan-kerajaan Negeri bagi membayar gaji di bawah CCR itu.

Tuan Yang di-Pertua, pada kesimpulannya dengan wujudnya Kumpulanwang Pendahuluan untuk Negeri ini maka Kerajaan Persekutuan akan dapat mendahulukan peruntukan dengan cara yang

lebih kemas, lebih tersusun lagi dan kepada negeri-negeri yang menghadapi keperluan kewangan ataupun kepada negeri-negeri yang menghadapi masalah aliran kewangan adalah dijangka bahawa dengan pelaksanaan sistem yang baru ini maka kawalan terhadap peruntukan yang didahulukan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri akan dapat diselenggarakan dengan cara yang lebih mudah dan lebih baik lagi. Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya maksudkan ialah kerana pendahuluan itu dibuat berasaskan kepada forecast yang kita terima pada pertengahan tahun bagi sesuatu tahun itu. Jadi apabila akaun sesuatu negeri sudah diodit selepas dua tahun maka barulah dapat kita ketahui kekurangan sebenarnya tetapi ini tidak akan menjadi masalah oleh kerana kalau terlebih kita bayar, kita boleh ambil tindakan menerusi pembayaran balik ataupun kita boleh convert pendahuluan itu sebagai loan yang terpaksa dibayar oleh Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan ini jelaslah dengan kuatkuasa cadangan Kumpulanwang Pendahuluan untuk Negeri-negeri yang kita cadangkan bermula pada 1hb Januari, 1982, Kerajaan Persekutuan akan dapat memastikan bahawa walaupun negeri-negeri menghadapi kekurangan kewangan untuk menampung perbelanjaan mengurus tetapi pembangunan dalam negeri-negeri tersebut tidak akan tergenjat kerana kita akan dapat membantu negeri-negeri tersebut dan di samping itu juga seperti mana saya nyatakan tadi peruntukan yang disalurkan melalui Jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan adalah berasaskan kepada keistimewaan yang kita beri kepada negeri-negeri yang kurang maju. Sekian, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan Usul atas nama Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen-kecil (4) (a) Seksyen 10 di dalam Akta

Memandangkan hujah yang saya sebutkan tadi saya ingin menegaskan di sini bahawa Rang Undang-undang pindaan ini akan hanya berfaedah dan bermakna kepada orang ramai sekiranya langkah-langkah diambil untuk memperkemas jentera pentadbiran di tiap-tiap Pejabat Tanah dan menyegerakan proses permohonan untuk pembahagian harta pesaka dengan pandangan ke arah memastikan kecepatan penyelesaian kes-kes dan tidak sebaliknya menyusahkan orang ramai. Untuk memastikan perlaksanaan peruntukan ini dapat berjaya sebagaimana diberi dalam Rang Undang-undang ini adalah amat penting supaya langkah-langkah tertentu dapat diambil untuk menambah kakitangan dalam Pejabat Tanah dan di samping itu memperkemas jentera pentadbiran dengan tujuan untuk membereskan lebih banyak permohonan yang bertambah berikutan kenaikan jumlah nilai harta pesaka yang diperuntukkan dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Speaker, akhirnya saya minta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya mengambil perhatian yang serius terhadap cadangan saya ini sekiranya matlamat Rang Undang-undang ini hendak dicapai dan berfaedah kepada orang ramai menerusi ataupun melalui kecepatan penyelesaian kes-kes permohonan. Sekian, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kangar.

4.27 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya amat mengalu-alukan Rang Undang-undang pindaan yang telah dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita maklum tanah adalah satu masalah yang amat perlu kepada manusia baik di segi hidup juga termasuk yang akan mati. Dengan sebab itulah masalah tanah selalu dibincangkan di segenap peringkat baikpun peringkat atasan mahupun peringkat rakyat biasa, kerana masalah tanah ini adalah satu masalah yang amat perlu kepada manusia sebagaimana yang saya katakan tadi.

Saya berharap dengan terlaksananya pindaan Akta Harta Pesaka Kecil

(Pembahagian), 1955 yang telah dibentangkan tadi akan membawa satu kebaikan yang amat besar kepada rakyat. Satu sebagaimana yang dikatakan dalam Rang Undang-undang ini juga yang telah dihuraikan oleh Menteri yang berkenaan kadar \$50,000 itu telah dinaikkan kepada \$300,000. Ini memang amat menasabah, Tuan Yang di-Pertua. Sepatutnya undang-undang ini lebih dahulu daripada ini dipinda, kerana sebagaimana kita tahu segenap segi baikpun segi pembangunan khususnya segi tanah yang saya masih ingat telah naik berlipat kali ganda. Saya ingat masa 10 tahun yang lepas, satu keping tanah yang harganya dalam \$1,000 pada satu ekar, hari ini telah naik sampai meningkat dekat \$50,000; apatah lagi dalam masa pembangunan hari ini. Dengan pindaan ini ianya akan menyenangkan kepada rakyat.

Satu lagi masalah yang dihadapi oleh masyarakat khususnya kaum bumiputra. Walaupun tanah mereka ini kecil di pekan-pekan yang kecil tetapi dengan sebab pembangunan, tanah yang boleh dibuat perumahan dan sebagainya telah berlipat ganda. Dengan sebab itu kalaulah satu-satu perkara yang sampai \$50,000 pun hendak dibawa ke mahkamah, ini menjadikan satu perasaan yang tidak baik kepada masyarakat. Walaupun mahkamah kita tahu sebagai satu tempat mencari keadilan tetapi bagi setengah anggapan masyarakat, kalau satu-satu perkara itu dibawa ke mahkamah ianya telah dianggap sebagai perkara lain, seolah-olah macam bergaduh. Walaupun perkara itu tidak ada pergaduhan tetapi bila disyaratkan kena bawa ke mahkamah, seolah-olah dianggap yang kita ini terpaksa bergaduh, walhal ini adalah harta pesaka daripada datuk dan bapa kita sendiri. Seolah-olah bila kita pergi ke mahkamah, kita tidak boleh menyelesaikan sesama kita sendiri.

Dengan sebab itu, saya sangat berharap dengan pindaan ini walaupun dibolehkan ke mahkamah juga sampai \$300,000 tetapi kalau kurang daripada itu tidak sampai, kita berharap masyarakat luar bandar tidak beranggapan bahawa kalau tidak dipinda Rang Undang-undang ini maka seolah-olah mereka itu dibawa ke mahkamah iaitu ada pula perantaraan atau niat yang tidak baik kerana

orang lain dapat menyelesaikan sedangkan mereka sendiri boleh diselesaikan. Tetapi apa boleh buat kerana undang-undang yang menetapkan kalau \$50,000 mestilah pergi ke mahkamah. Jadi dengan adanya Rang Undang-undang ini, saya sungguh-sungguh mengalu-alukan dan saya berharaplah sebagaimana saya katakan tadi dapat dijalankan dengan baik.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju di segi tanah hari ini boleh dikatakan Pejabat Tanah di mana satu problem yang amat sangat. Kes tanahlah sebagaimana kata Menteri tadi akan membawa seseorang itu kesenangan apabila tanah itu selesai dapat dijual, dapat dibuat gadaian, dapat dibuat perusahaan tetapi kalau tanah itu tidak selesai, sebagaimana saya biasa nampak sendiri kalau satu-satu orang berkenaan tanahnya akan diambil oleh Kerajaan akan dibayar wang, kalau sekiranya tanah itu bergeran. Tetapi malangnya kalau tanah yang berkenaan itu masih di dalam kuasa yang tidak diberi kepada pihak-pihak berkenaan katalah pihak yang memegang tanah telah mati, maka sebagaimana kata Menteri tadi saya biasa lihat tidak boleh diambil kalau selagi dia tidak selesai pesaka maka selama itu tanah itu rugi balik kepada tuan milik tadi walaupun dia dapat milik, tetapi oleh sebab banyak red tape hendak bawakan boleh kepada dia memakan masa bertahun-tahun. Saya harap sangat sebagaimana saya katakan tadi dapat diselesaikan seberapa cepat yang boleh.

Saya rasa dukacita kerana saya bimbang, kerana di Dewan yang mulia ini saya biasa bercakap berkenaan tanah, kerana soal tanah menjadi satu problem yang besar kepada masyarakat dan kepada Pejabat Tanah. Biasa Menteri menjawab kepada saya sendiri yang saya tidak payah sebutkan, oleh sebab tanah ini katanya walaupun tidak bertambah, misalnya, Perlis ada 316 batu sedangkan masalah tanah sampai 10 tahun tidak selesai. Katanya kerana masalah tanah ini kita terpaksa adakan dengan halus misalnya hendak ambil buat sekolah kena Pejabat Tanah juga membuat syarat itu dan ini pendek kata bila hendak mengambil sesuatu tanah ada syarat itu dan ini walaupun katanya tanah tidak bertambah tetapi banyak syarat-syarat kerja yang terpaksa diselesaikan

oleh Pejabat Tanah walaupun hendak diberi kepada tuan tanah disukat dahulu dan berbagai-bagai lagi. Saya takut, dengan adanya pindaan Undang-undang ini di satu segi amat baik kita naikkan nilainya dari \$50,000 kepada \$300,000.

Yang kedua, saya takut bila perkara banyak tidak selesai di Pejabat Tanah di segi kuasa, di segi geran, di segi permintaan dan sebagainya akan dijawab pula kami terlampau banyak kerja, kalau dahulu katanya perkara-perkara setakat \$50,000 sampai \$100,000 dibawa kepada Mahkamah Tinggi tetapi hari ini yang sampai \$299,000 pun tanggungjawab Pejabat Tanah. Ini seolah-olah beban kepada Pejabat Tanah berat lagi, kalau dahulu sedikitpun dia tidak boleh laksanakan, ini saya bimbang. Dengan sebab itu, saya harap sangat-sangat pada pihak berkenaan, khususnya kepada Menteri berkenaan di samping satu kebaikan kita beri Pemungut Hasil Tanah sebagaimana kata Menteri tadi ada 30 tempat. Saya harap ini menjadi kebaikan yang amat sangat, tetapi kalau penghuni tanah ada 30 tempat sebagaimana dikatakan tadi sedangkan pegawai tidak cukup sebagaimana dikatakan oleh rakan saya tadi ini tidak dapat diselesaikan dengan mudah. Dengan sebab itu, saya berharap sangat perkara ini cuba diselesaikan seberapa segera yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambung, ini bukan segi lain kerana ini dalam bab tanah iaitu telah terjadi di Pejabat Tanah Perlis yang kita tahu Kerajaan Negeri adalah berkuasa penuh di atas bab tanah, tetapi walau macam manapun Kerajaan Negeri ada bersangkutan di segi undang-undang Kanun Tanah Negara, khususnya di segi pegawai. Misalnya, Pejabat Tanah Perlis banyak perkara yang tidak boleh hendak diselesaikan. Salah satu sebabnya pegawai tidak cukup, kemudian bila diminta, pihak Perkhidmatan Awam, pihak Kerajaan Malaysia mengatakan kami tidak dapat memberi kepada Pejabat Tanah Perlis kerana Pejabat Tanah Perlis pegawai Kerajaan Negeri, mesti diserapkan dahulu kepada Pegawai Persekutuan barulah kami boleh hantar sebanyak-banyaknya kepada Pejabat di Perlis, khususnya termasuk Pejabat Tanah.

Tuan Yang di-Pertua, masalah Pejabat Tanah Perlis amatlah rumit. Ini saya katakan terus terang saya takut bila masuk ini satu lagi akan bertambah rumit. Walaupun niat dasarnya baik tetapi saya takut pelaksanaan. Bila sudah diserap oleh Kerajaan Negeri Perlis banyak pegawai-pegawai yang tidak seronok hati dan tidak senang bekerja dan hari ini kedudukan Pejabat Tanah Perlis untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri berkenaan, Pesuruhjaya Tanah Perlis tiada, Pengarahnya tiada, kekurangan pegawai. Jadi, jawabnya Pejabat Tanah Perlis itu, saya tidak tahu Pejabat Daerah di tempat lain, telah menjadi masalah yang mana terpaksa Ketua Pentadbir Perlis, iaitu Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis juga merangkap sebagai pemangku Persuruhjaya Tanah Perlis.

Saya bersyukur kepada Tuhan dan berterima kasih kepada Kerajaan dengan dasar cara yang amat baik ini akan bertambah baik kalau perlaksanaannya dapat dilaksanakan tetapi sebagaimana saya katakan tadi saya bimbang kalau beban ini, ini salah satu beban balik kepada Pejabat Tanah sedangkan beban yang lama tidak dapat diselesaikan datang pula beban yang baru. Ini saya amat curiga. Dengan sebab itu, saya merayu dengan penuh hati di samping melaksanakan Rang Undang-undang ini bererti daripada hak yang patut pindah hak yang patut sekarang dikerja oleh Mahkamah Tinggi maka saya percaya hari ini banyak kerja-kerja itu akan dibebankan kepada Pejabat Tanah. Maka saya berharap bebanan kerja itu disertakan dengan pegawai-pegawai dan pengurus-pengurus yang cukup. Itulah harapan saya kepada pihak Kementerian yang berkenaan kalau tidak ini akan membawa satu beban atau membawa satu perkara yang tidak baik. Saya harap sangat sebagaimana saya katakan tadi pegawai hendaklah ditambah dengan secepat mungkin.

Selain daripada itu, hendaklah ada follow-up kepada pegawai-pegawai berkenaan. Undang-undang kebanyakan hari ini bagus, dasar Kerajaan, Rang Undang-undang yang kita pinda dari masa ke semasa amatlah baik tetapi yang membawa rakyat menuduh kita, khasnya Pejabat Tanah, biarlah saya bercakap terus terang di mana saya pergi di

kawasan saya sendiri yang mengandungi 34 tempat, soal tanah tiap-tiap tempat berbangkit. Ada yang sampai berpuluh tahun tidak dapat diselesai, ada yang diambil wang pertaruhan sampai 10 tahun, akhirnya bergaduh dan bermacam-macam sebab Pejabat Tanah. Ini saya harap sangat di samping kita bebankan apa yang saya katakan tadi pegawai yang masih ada tidak cukup, di samping kita menambah satu tugas ini pegawai juga hendaklah dibanyakkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi perkara ini boleh dijalankan oleh Pemungut Hasil Tanah. Ini saya mengalu-alukan kerana banyak terdapat orang-orang kampung sebagaimana saya katakan tadi kalau satu perkara itu hendak bawa ke Mahkamah Tinggi, baru selesai ini saya biasa dengar dengan telinga saya sendiri, tidak payahlah katanya. Kalau dia pergi kepada Pemungut Hasil Tanah, apatah lagi mengikut kata Huraian yang lagi dekat itu yang lagi baik.

Untuk meringkaskan ucapan saya, saya membuat kesimpulan iaitu Rang Undang-undang ini patut diadakan dahulu daripada ini kerana kedudukan harga tanah dan sebagainya telah meningkat. Kedua, sebagaimana saya katakan tadi sesudahnya kita tambah beban, bebannya ada, perkara ini tidak dapat dijalankan dengan baik kalau pegawai tidak cukup dan apabila pegawainya sampai tetapi kalau tidak diberi penuh tanggungjawab, penuh kesedaran, ini membawa perkara yang tidak baik, ini disebabkan tanah menjadi satu masalah bukan sahaja di negeri Perlis, bahkan saya percaya tiap-tiap negeri kerana daripada tanah kita dapat duduk, daripada tanah dapat membuat pembangunan, membuat kawasan dan sebagainya, maka masalah tanah hendaklah dipandang serius oleh pihak Kerajaan. Maka dengan ini, saya menyokong penuh pindaan Rang Undang-undang yang telah dikemukakan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Dungun.

4.39 ptg.

Tuan Awang bin Jabar (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turut serta

dalam menyokong Rang Undang-undang yang bernama "Akta Harta Pesaka Kecil Pembahagian (Pindaan) 1981" yang baru sahaja dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan. Dalam menyokong Rang Undang-undang ini saya ingin mengambil peluang untuk mengucapkan terima kasih bagi pihak rakyat yang susah yang sering menghadapi masalah di dalam menyelesaikan harta pesaka ataupun masalah-masalah faraid mereka.

Sepatutnya, Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini dibentangkan lama dulu kerana kita nampak apa yang tersurat di sebalik Rang Undang-undang ini yang ada di hadapan kita ianya boleh memberi banyak manfaat dan faedah kepada masyarakat di negara kita ini khususnya di dalam masalah pembangunan. Kerana di dalam masalah pembangunan kita menghadapi banyak kesulitan, halangan-halangan yang berpunca daripada tanah yang berasal daripada tidak selesainya faraid di atas tanah-tanah peninggalan oleh seseorang ataupun oleh si mati itu. Jadi dengan adanya Rang Undang-undang ini boleh mempercepatkan cara kita memproses satu-satu tanah pesaka itu dan bila cepatnya proses itu maka senanglah sesuatu pembangunan di atas tanah itu dapat dilakukan.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya nampak juga Rang Undang-undang ini selain daripada ianya boleh menolong mempercepatkan masalah-masalah pembangunan ianya juga boleh menyekat ataupun menghalang seseorang itu daripada melakukan penyelewengan ataupun penindasan ataupun kezaliman terhadap waris-waris yang berhak menerima pesaka ataupun faraid mereka. Kerana dengan adanya undang-undang ini, maka saya nampak jika ianya dilaksanakan ataupun ianya ditambahkan dengan peraturan-peraturan khususnya yang mengikut landasan Islam maka ianya boleh menyekat daripada berlakunya sesuatu kezaliman ataupun penindasan kepada si waris yang berhak menerima pesaka itu.

Bercakap mengenai harta pesaka ini, Tuan Yang di-Pertua, ianya bukanlah tertentu kepada harta-harta yang tak alih sahaja seperti tanah malahan ianya termasuk juga

perkara-perkara yang lain, barang-barang lain yang boleh disifatkan sebagai harta yang ditinggalkan oleh seseorang yang mati. Baik ianya di dalam syarikat, baik ianya wang simpanan di Tabung Haji ataupun caruman di dalam Kumpulanwang Simpanan Pekerja dan berbagai-bagai lagi. Apabila seseorang itu mati meninggalkan harta, itu dinamakan pesaka maka ianya wajib di faraid, mengikut cara-cara Islam. Jadi satu perkara yang boleh berlaku penyelewengan, Tuan Yang di-Pertua, saya nampak ianya di dalam nomination. Katakan saya ada masuk ke dalam satu-satu syarikat \$300,000; \$400,000 atau \$500,000 kemudian kompeni ini, katalah Syarikat Kerjasama memberi satu surat nomination untuk penama kadang-kadang orang itu berikan satu penama sahaja. Jadi apabila saya mati ataupun orang yang mencarumkan wang itu mati, jadi yang menimbulkan masalah jika sekiranya.

Tuan Lim Kit Siang: *(Bangun)*

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat duduk sekejap!

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, koram tidak cukup.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sila kira.

(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, lebih 26 hadir)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat dari Dungun menyambung semula.

Tuan Awang bin Jabar: Yang menjadi masalahnya, Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan berlaku penyelewengan itu ada apabila penama yang diberi itu hanya seorang sahaja, tidak mengikut orang-orang ataupun nama-nama yang berhak menerima pesaka mereka. Katakanlah penama yang seorang itu mengikut dari segi legal ataupun peraturan kita sekarang dia berhak menerima pesaka itu semuanya sekali menghabisi harta yang ada, maka bagaimanakah dengan waris-waris yang lain, dengan orang-orang lain yang berhak menerima pesaka yang sama itu? Maka di sini saya berharap selain daripada Rang Undang-undang ini peraturan-peraturan kemungkinan hendaklah juga

diadakan di dalam melaksanakan Rang Undang-undang ini nanti supaya Rang Undang-undang ini benar-benar boleh mengelakkan seseorang itu daripada melakukan ataupun mengelakkan seseorang itu, menyekat seseorang itu daripada dizalimi.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan bahawa kalau kita dapat laksana dengan cara itu maka barulah benar-benar Rang Undang-undang kita ini bererti kepada masyarakat. Di dalam usaha kita hendak mempercepatkan pembangunan dan di dalam usaha kita hendak memberi kelegaan dan keselesaan kepada rakyat di seluruh negara kita.

Saya menyokong pada akhirnya Rang Undang-undang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Parit.

4.48 *ptg.*

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam membahaskan Rang Undang-undang Harta Pesaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 1981 di samping memberikan pandangan saya berkenaan perkara tersebut.

Rang Undang-undang ini meminta Dewan yang mulia ini meluluskan pindaan perkataan \$50,000 kepada \$300,000 yang terdapat di dalam Seksyen 2, Seksyen 3 Akta Harta Pesaka Kecil (Pembahagian) 1955.

Saya berpendapat pindaan ini adalah terlalu kecil iaitu setakat harta yang bernilai \$300,000 sahaja. Namun begitu, ia juga memberi faedah kepada mereka yang mempunyai harta yang bernilai sebelum ini \$50,000. Kebanyakan bumiputra tidak mempunyai harta yang bernilai \$50,000. Dengan menaikkan angka ini kepada \$300,000 saya rasa tidak begitu sesuai kerana nilai harta pada hari ini terutama tanah telah melambung naik harganya.

Jadi, kalau dahulu, nilai harta ini \$50,000 nilai harta yang sama pada hari ini mungkin telah lebih daripada \$300,000. Perubahan nilai ini adalah disebabkan oleh spekulasi tanah terutama sekali tanah yang

menggunakan untuk projek-projek perumahan atau yang berhampiran dengan jalanraya. Pemaju-pemaju perumahan umpamanya sanggup membeli tanah dengan harga yang tinggi yang menjadikan harga rumah juga ikut melambung naik. Oleh yang demikian, saya berharap supaya Kerajaan akan menghantar penilai untuk menilaikan harta terutama sekali tanah sebelum ianya dijual untuk menentukan supaya nilai tanah itu benar-benar mengikut nilai yang ditetapkan oleh Kerajaan, kerana harga tanah ini berbeza dari satu tempat ke satu tempat yang lain mengikut keadaan keluasan dan access atau senang boleh pergi ke tempat itu.

Nilai tanah juga bergantung kepada beberapa aspek yang lain umpamanya hasil yang diperolehi dari tanah itu sendiri seperti galian dan pokok-pokok buah-buahan atau estet misalnya. Itulah sebabnya saya mengatakan adalah perlu seorang penilai dihantar untuk membuat penilaian sebelum harga tanah atau harta itu dijual ataupun dibahagikan. Pemberian harta pesaka ini telah banyak menimbulkan perbalahan antara keluarga. Timbulnya perbalahan ini adalah kerana rasa tidak puas hati di kalangan penerima harta pesaka. Pemberian atau pembahagian harta pesaka ini di kalangan orang-orang Islam tidaklah begitu sulit kerana Islam mempunyai caranya yang tersendiri dalam hal ini, tetapi di kalangan penganut-penganut agama lain mereka akan menemui kesulitan dalam hal ini kerana mereka terpaksa membuat pemberian ini melalui peguam dan lain-lain proses yang ditetapkan oleh Undang-undang. Di kalangan orang Melayu, saya rasa amat sedikit yang mempunyai harta. Ada kalanya tanah yang selalu seekar terpaksa dibahagikan kepada beberapa orang anaknya. Kiranya dikenakan cukai pula, langsung tidak ada apa yang tinggal kepada mereka. Oleh itu saya merayu agar dalam pemberian harta yang nilainya kecil, duti harta pesaka dapat dikesualikan.

Satu perkara yang akhir sekali ialah pada pandangan saya Akta ini akan menguntungkan mereka yang berada. Apabila nilai atau hal ini dinaikkan kepada \$300,000 maka mereka yang mempunyai

harta di bawah bracket atau had ini akan dikira sebagai harta pesaka kecil yang mana pada pendapat saya duti harta dalam pembahagiannya juga akan kurang atau rendah. Jika dahulu hadnya \$50,000 iaitu boleh dikira sebagai harta pesaka kecil, dengan naiknya had ini mereka yang mempunyai harta juga akan mendapat faedahnya. Juga pada pendapat saya Kerajaan akan rugi dengan kenaikan ini. Kiranya dahulu Kerajaan boleh mendapat duti yang besar daripada pembahagian harta yang lebih daripada \$50,000 kini Kerajaan hanya mendapat duti yang rendah apabila dalam pembahagian harta tersebut. Tetapi ini pada fikiran saya adalah satu pengorbanan Kerajaan yang mana tidak mahu menyusahkan rakyat jelata dalam pembahagian harta kecil.

Adalah juga diharapkan dengan terlaksananya pindaan ini beban atau backlog di mahkamah tinggi akan dapat berkurangan kerana selama ini semua tuntutan pembahagian harta yang bernilai lebih daripada \$50,000 terpaksa di bawa ke Mahkamah Tinggi tetapi sekarang surat kuasa perbicaraan harta pesaka kecil atau ia bolehlah diuruskan oleh Pemungut yang terdekat dengan harta ini. Cuma kesulitan yang saya nampak ialah ini akan membebankan pula pihak Pemungut yang sekarang telahpun tidak dapat menyelesaikan perkara-perkara yang lain. Nampaknya pelaksanaan pindaan ini adalah cuma memindahkan tugas mahkamah kepada Pemungut.

Dalam huraian mengenai pindaan ini ada terdapat perkataan 'Pemungut yang terdekat dengan harta'. Saya rasa eloklah Pemungut atau bererti mana-mana Pemungut yang dipilih oleh mereka yang hendak membahagikan harta. Ini adalah kerana kadang-kadang tuan punya hak ke atas harta ini mungkin tinggal jauh dari harta yang berkenaan dan ini akan menyulitkan mereka yang berkenaan yang terpaksa berulang alik ke Pejabat Pemungut untuk menyelesaikan pembahagian harta itu. Oleh yang demikian, untuk memudahkan pembahagian ini dan supaya tidak menyulitkan tuan punya harta atau warisnya, eloklah kita memberikan pilihan kepada mereka Pemungut yang mana yang terdekat dengan kediaman mereka. Ada

juga tuannya harta yang mana tempatnya harta itu tidak sama atau di bawah kuasa satu Pemungut sahaja. Ini bererti apabila berlaku pembahagian, warisnya terpaksa membuat permohonan kepada beberapa orang Pemungut yang berkenaan di mana harta itu berada.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja pandangan saya dan saya menyokong pindaan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Batang Padang.

4.58 ptg.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut menyokong pindaan Harta Pesaka 1981 Akta Harta Pesaka Kecil (Pembahagian) 1955 yang mana huraianya menambahkan daripada \$50,000 kepada \$300,000. Ini adalah ditekan kepada orang ramai yang mana pembahagian harta pesaka kepada waris si mati supaya tidak menyusahkan mereka pergi ke Mahkamah Tinggi apabila ianya lebih daripada \$50,000.

Pada masa yang sudah, waris si mati sekiranya lebih daripada \$50,000 nilainya, mereka terpaksa pergi ke Mahkamah Tinggi selain daripada hendak pergi menunggu, selepas mengisi borang menunggu beberapa bulan, beberapa tahun yang mana di Mahkamah Tinggi banyak perkara-perkara yang hendak diselesaikan di seluruh negeri—ini terlibat dengan tanah negeri. Ini menyebabkan perbelanjaan yang begitu tinggi kepada waris-waris si mati.

Katalah mereka datang daripada luar bandar, biasanya Mahkamah Tinggi ini terletak di ibu negeri, katalah di Tapah, tempat saya di Batang Padang sana, hendak menyelesaikan tanah yang bernilai lebih kurang \$60,000 pada masa dahulu, kalau waris si mati itu ada seramai 10 orang, kerana sebuah kedai yang berharga \$100,000 ataupun lebih mereka berduyun-duyun 10 orang adik beradiknya itu pergi ke Mahkamah Tinggi di Ipoh menempah tempat tidur atau menyusahkan waris-waris yang ada di bandar sana, mengeluarkan perbelanjaan makan minum tambang dan seolah-olahnya seperti satu kes hendak dibicarakan kes hukum bunuh ataupun perbicaraan kerana

satu-satu perkara yang dibawa daripada Mahkamah Rendah ke Mahkamah Tinggi layaknya. Oleh itu, saya dapati kerana menyusahkan waris-waris ini berhutang, katalah sewa kedai \$100,000 tetapi mereka terpaksa berhutang \$200—\$300 akhirnya mereka bergaduh, seperti kata Yang Berhormat sahabat saya dari Parit tadi, siapa hendak bayar perbelanjaan ini, patutkah dia kena lebih begitu dan begini, maka untuk mengelakkan inilah mereka terpaksa menjual sebuah rumah kedai yang dipesakai oleh datuk nenek mereka itu. Ini adalah satu daripada sebab-sebabnya penjualan supaya tidak ada pergaduhan lagi. Maka daripada sinilah adik beradik ini berpecah belah tak mahu berjumpa, tak mahu bertegur, inilah akibatnya perbelanjaan terlalu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, Mahkamah Tinggi kita ini terpaksalah melonggokkan perkara yang begitu banyak. Apabila mati ada waris, ada pesaka, begitu banyak tidak dapat diselesaikan dengan secara serta-merta ataupun beberapa bulan, bertahun-tahun, terutama bumiputra, waris ada hendak membanyakkan lagi pendapatan, daripada tanah yang sesekar dua itu susah hendak menyelesaikannya, hendak menanam semula dan hendak dibangunkan bangunan dan sebagainya, hendak menyelesaikan tanah itu memakan masa yang terlalu lama. Inilah masalah-masalahnya kerana harga tanah, harga kedai dan lain-lain harta lagi, kedai, rumah sewa dan sebagainya harganya sudah melambung tinggi sekarang. Jadi kalau dapat diselesaikan dapatlah dibereskan, membuat rancangan-rancangan sepentas misalnya di bawah rancangan Risda untuk menanam semula dan sebagainya bagi mendapatkan saham daripada rancangan sepentas Risda itu.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara lagi. Pada masa saya berada di daerah saya dapati usahkan di Mahkamah Tinggi, daerah juga perkara kerja bertapak-tapak. Ini adalah bukan disebabkan tak cekapnya pegawai itu tetapi malangnya pegawai-pegawai penyelesaian harta pesaka di daerah-daerah ini terlalu sedikit dihantar, cuma seorang dan dua orang kerani, begitulah tiap-tiap daerah dihantar. Sepatutnya apabila Rang Undang-undang ini diluluskan,

pegawai-pegawai ini hendaklah ditambah, ada ketuanya dan ada penolongnya supaya apabila perbicaraan itu berlaku tidaklah ditangguhkan kerana pegawai ini sudah meninggalkan bangku mejanya dan tinggallah dua orang kerani itu yang tak tahu buat apa.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, Rang undang-undang ini saya sangat menyokong supaya diluluskan yang menyenangkan kepada penduduk-penduduk kita di negara ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong.

5.03 ptg.

Dr Tan Tiong Hong (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, Saya juga bangun menyokong Rang Undang-undang Harta Pesaka Kecil yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan di dalam Dewan ini. Saya juga menyokong dan sependapat dengan rakan-rakan saya yang telah memberi pandangan berkenaan pentadbiran Jabatan Tanah.

Tuan Yang di-Pertua, selepas kelulusan pindaan ini barangkali kes-kes dalam Mahkamah Tinggi dikurangkan dan kes-kes berkenaan tanah ini dipindah ke Jabatan-jabatan Tanah yang berkenaan. Kita selalu menghadapi di Jabatan Tanah oleh kerana pegawai-pegawai berkenaan, khasnya ADO di satu-satu daerah yang telah mengambil masa lebih kurang 2 tahun minima untuk mengetahui dan memahami masalah-masalah tanah di sesuatu daerah dan selepas pegawai itu telah mendapat experience di dalam daerah itu dia telah dapat arahan transfer untuk ke lain Jabatan atau lain daerah dan ini telah selalu menjadi masalah. Saya harap Kementerian berkenaan boleh mengkaji semula berkenaan pegawai-pegawai yang bertugas berkenaan hal tanah tidak ditransfer selepas satu tempoh yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin di sini menyentuh berkenaan tanah-tanah di dalam kampung baru (new village) yang sekarang ini ialah di bawah leasehold. Pada pendapat saya ada banyak tanah di bawah leasehold telah sampai tempoh masanya dan sebelum seseorang meninggal dunia, saya

harap lebih baik jikalau peluang diberi kepada anak-anak mereka untuk mendapat peluang memindah hakmilik tanah itu kepada nama-nama mereka oleh kerana pada masa sekarang ada ramai pemilik-pemilik tanah di dalam kampung-kampung baru menghadapi masalah-masalah apabila mereka ingin hendak memindah hakmilik tanah itu kepada anak-anak mereka. Jikalau kita boleh memberi peluang yang lebih liberal berkenaan hal ini kita tidak payah menghadapi masalah apabila seseorang meninggal dunia.

Tuan Yang di-Pertua, masalah leasehold di dalam kampung-kampung baru ini sampai hari ini belumlah dapat diatasi oleh kerana ada ramai penduduk-penduduk di kampung baru ini belum dapat tempoh lease ini diextendkan atau diberi masa yang baru. Ini oleh sebab Jabatan-jabatan Tanah pada pengetahuan saya belum dapat arahan dari Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah untuk membaharui lease-lease itu. Saya harap Menteri berkenaan boleh membuat satu siasatan berkenaan hal ini oleh kerana ada ramai penduduk-penduduk di kampung-kampung baru sekarang ingin hendak menggunakan tanah itu membaiki atau membaharui rumah atau kedai-kedai mereka. Apabila mereka ingin hendak meminjam wang dari pihak bank-bank tertentu, mereka tidak dapat pinjaman dari bank oleh kerana lease mereka adalah 3 atau 4 tahun sahaja dan bank-bank selalu memberitahu kepada mereka jikalau mereka tidak dapat satu leasehold yang lebih 20 atau 30 tahun tanah itu tidak boleh menjadi satu security untuk meminjam wang. Pindaan ini ialah untuk menolong waris-waris si mati tetapi kita harap juga Kementerian pun boleh mengkaji dan menolong orang-orang yang belum mati.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka.

5.10 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Speaker, saya suka mengambil bahagian dalam perbahasan atas Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Harta Pesaka Kecil (Pembahagian) 1955. Tujuannya sudah

diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Saya di sini adalah menyokong sepenuhnya bahawa pindaan yang dicadangkan ini untuk menambahkan jumlah nilai harta pesaka dari \$50,000 kepada \$300,000. Memang ini adalah merupakan satu langkah yang wajar untuk mengurangkan bebanan atas Mahkamah Tinggi sebagaimana yang kita alami pada masa-masa yang lampau.

Tuan Speaker, di sini saya perlu menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang beberapa masalah yang dihadapi oleh si waris yang berkaitan dengan warisan berkenaan pembahagian harta pesaka khasnya dalam kawasan luar bandar dan juga dalam kawasan bandar. Ini bukan sahaja yang berkaitan dengan teknikal undang-undang juga adalah berkaitan dengan kecekapan pentadbiran. Saya yakin bahawa Dewan yang mulia ini tentu akan sedar bahawa jika sekiranya kita hanya mencadangkan satu pindaan untuk menambahkan jumlah nilai harta pesaka daripada \$50,000 kepada \$300,000 ini bukanlah hanya merupakan satu langkah yang berkesan, yang terakhir untuk mempercepatkan penyelesaian warisan dan pembahagian harta pesaka. Saya yakin bahawa Kementerian yang berkenaan tentu sedar bahawa bukan sahaja banyaknya kes-kes yang bertimbun-timbun di Mahkamah Tinggi begitu banyaknya kes-kes yang merupakan satu backlog dalam Mahkamah Tinggi yang tidak boleh diselesaikan mungkin dari masalah teknikal atau dari masalah kekurangan kakitangan, dari segi perundangan, atau dari segi pentadbiran, tetapi pokok masalah hari ini ialah terletak pada kecekapan pentadbiran Pejabat Daerah di mana biasanya seseorang Pemungut Hasil Tanah adalah diamanahkan atau dikuasakan untuk menguruskan warisan dan pembahagian harta pesaka.

Saya tidak tahu adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa di beberapa kawasan yang tertentu yang didapati adanya Pemungut Hasil Tanah yang sebagai seorang yang berfungsi untuk menguruskan pembahagian atau warisan harta pesaka ini adalah orang yang kurang pengalaman, orang yang competent, orang yang kurang memahami dan menguasai bukan sahaja

procedure tetapi aspek undang-undang yang berkaitan dengan pembahagian harta pesaka disebabkan kerana adanya pegawai-pegawai yang kurang berpengalaman dan berkelayakan dalam menguruskan kes undang-undang ini maka ianya memakan masa sehingga orang-orang yang terlibat yang begitu susah payah bila nampaknya si mati sudah meninggalkan harta pesakanya tetapi mereka perlu membazirkan begitu banyak masa sehingga bertahun-tahun untuk memperjuangkan harta pesaka mereka. Bila sampai saat harta pesaka ini diterima dibahagikan di antara anggota-anggota keluarganya mungkin sudah menjadi berbagai masalah. Saya harap bukan sahaja undang-undang ini perlu dipinda khasnya Seksyen 3 yang ada berkaitan dengan jumlah nilai harta pesaka ini saya mencadangkan dengan secara rasminya supaya boleh dipertimbangkan oleh Kementerian berkenaan bahawa satu biro atau satu lembaga yang berfungsi tersendiri khasnya untuk mentadbirkan warisan dan pembahagian harta pesaka ini boleh diwujudkan di Pejabat Daerah supaya adanya pegawai-pegawai yang berkuasa penuh, yang tetap jawatannya boleh diletakkan di biro atau lembaga ini untuk menguruskan segala urusan dan masalah yang ada berkaitan dengan warisan dan pembahagian harta pesaka. Saya fikir dengan cara begini ianya akan mempercepatkan pengurusan kes-kes warisan harta pesaka.

Memang saya bersetuju dengan pandangan-pandangan yang ada diutarakan oleh rakan saya umpamanya pegawai-pegawai yang dipertanggungjawabkan untuk mentadbirkan hal ehwal warisan harta pesaka ini biasanya terlalu sibuk dengan urusan pentadbiran tanah umpamanya Pemungut Hasil Tanah. Bagaimana mereka ada masa lagi untuk melayani perkara-perkara yang berkaitan dengan warisan harta pesaka yang akan memakan masa untuk diproses.

Saya tidak kata kes-kes ini tidak perlu diproses dengan telitinya kerana ianya akan melibatkan kepentingan si waris harta pesaka yang berkenaan. Tentu ianya perlu diteliti dengan seteliti-telitinya tetapi janganlah hanya pegawai dari Pejabat Daerah seperti Pemungut Hasil Tanah yang dibebankan lagi dengan urusan warisan berbagai-bagai

harta pesaka. Saya harap Kementerian atau Yang Berhormat Menteri boleh mempertimbangkan dengan seriusnya atas cadangan saya, yang pertama, untuk diwujudkan satu biro atau lembaga yang terdiri daripada pegawai-pegawai yang khas yang terlatih untuk menguruskan urusan atau hal ehwal harta pesaka.

Kedua, jika sekiranya boleh satu pindaan perlu dipublikasikan supaya orang ramai boleh difahamkan tentang caranya untuk membahagikan harta benda mereka sebelum mereka meninggal dunia. Ini mungkin akan menjimatkan banyak masalah, menjimatkan banyak masa kerana sehingga hari ini kecuali orang yang berada, orang yang kaya tentu dia melalui peguamnya boleh menyelesaikan segala masalah warisan dan berbagai harta pesaka tetapi bagi mereka yang berpendapatan rendah orang yang tinggal dikampung, yang jahil terhadap procedure, pentadbiran atau undang-undang mungkin ini akan membawakan berbagai masalah yang rumit sehingga membawa satu perselisihan faham atau pergaduhan dalam keharmonian keluarga seseorang. Saya harap kerja-kerja publisiti ini perlulah dijalankan dan satu buku panduan kalau boleh dikeluarkan dan proceduranya perlu disimplifikan, janganlah sehingga memakan masa tiga hingga lima tahun, sehingga mereka merasa putus asa atau mereka kecewa walaupun mereka sudah dibahagikan dengan harta pesaka ini.

Tuan Speaker, akhirnya saya adalah menyokong Rang Undang-undang ini tetapi saya sudah mencadangkan bahawa hanya melalui pindaan ini tidak akan menyelesaikan masalah ini dengan berkesan kecuali beberapa langkah yang lebih positif boleh dipertimbangkan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Muda.

5.18 ptg.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut (Ulu Muda): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama dengan rakan saya yang lain memberi sokongan yang begitu kuat sekali di atas pindaan Rang Undang-undang Harta Pesaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 1981 yang mana Rang Undang-undang ini telahpun dibentangkan oleh Yang Berhormat

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah di dalam Dewan yang mulia ini.

Yang sebenarnya Rang Undang-undang ini sepatutnya kita pinda lebih awal lagi tetapi sungguhpun begitu tidaklah terlewat kita membincangkan perkara yang begitu rumit, yang begitu sulit sekali dihadapi oleh rakyat jelata di seluruh negara ialah masalah pesaka iaitu apabila harta pesaka yang ditinggalkan oleh ibubapa mereka, maka timbullah masalah kepada waris-waris yang hendak memberi peluang menerima pesaka seperti kata sahabat saya dari Batang Padang tadi memang benar apabila si mati telahpun mati, meninggalkan harta pesaka lebih dua atau tiga ekar maka dengan sendirinya menjadi beban, satu beban kepada mereka yang berarak ke sana ke sini kerana hendak menyelesaikan harta pesaka yang ditinggalkan oleh ibubapa mereka itu. Alhamdulillah dengan adanya pindaan ini harta pesaka yang daripada \$50,000 harganya akan meningkat naik kepada \$300,000. Itu adalah sesuai dan sewajarnya kena pada tempatnya kerana ini akan memberi kemudahan kepada rakyat jelata dapat menyelesaikan masalah harta pesaka ini dengan lebih mudah dan cepat.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini akan ditanggungjawabkan kepada Pemungut apabila Rang Undang-undang ini diterima, tetapi saya khawatir dan saya ragu kalaulah pegawai yang menjalankan tugas ini telahpun begitu banyak sekali beban yang ditanggung kepada beliau pada hari ini, maka kalaulah datang pula masalah pesaka diberi kepada Pemungut ini juga akan memakan masa yang lama yang mana matlamat kita hendak menyelesaikan supaya dapat selesai dengan cepat tidak boleh tercapai. Oleh yang demikian, saya ingin membawa kepada pengetahuan Menteri berkenaan kerana pemberian tanah pesaka ini terlibat beberapa jabatan yang tertentu dan kepada orang yang datang daripada luar bandar, datang daripada kampung dan juga mungkin penduduk di dalam bandar akan menjadi kesulitan kepada mereka apabila masalah pembahagian harta pesaka timbul. Mereka terpaksa pergi ke Pejabat Tanah, mereka kata perkara ini ada di Pejabat Pemegang Amanah Raya, mereka pergi ke sana, dikatakan di Mahkamah

Tinggi, ada setengahnya pula berkata Jabatan Penilaian yang melambat-lambatkan perkara ini.

Oleh yang demikian, oleh kerana banyak jabatan yang terlibat itu, saya ingin mengesyorkan kepada pihak Kementerian supaya satu Rang Undang-undang yang mana meliputi jabatan-jabatan berkenaan itu supaya ditubuhkan satu jabatan khas bagi menyelesaikan pembahagian harta pesaka yang mana di dalamnya terdiri daripada Pegawai Pejabat Tanah, Pegawai Income Tax, Pemegang Amanah Raya Hakim, Pegawai Penilaian dan sebagainya. Apabila perkara itu diberi kepada jabatan yang berkenaan maka tidak payah lagi dirujuk ke sana, dirujuk ke mari, rujuk ke jabatan-jabatan yang sedang dihadapi oleh rakyat pada hari ini. Ini adalah perlu dan penting.

Dengan pindaan yang ada hari ini, kita agak dan kita harap dapatlah berjalan dengan lebih sempurna dan ada backlog pada hari ini yang sampai memakan masa 10 tahun hendak menyelesaikan harta pesaka itu begitu lama sekali. Inilah yang menjadi rakyat bosan. Saya harap kalau Kementerian yang berkenaan betul-betul berhajat hendak menyelesaikan harta pesaka rakyat itu dengan begitu mudah dan cepat maka perlu diwujudkan ataupun seperti kata sahabat saya dari Kota Melaka tadi, satu biro tetapi saya agak biro itu tidak membawa kesan yang baik, malah kita wujudkan satu jabatan khas yang mana undang-undang terpaksa dibawa ke dalam Dewan ini yang mana jabatan itu mengandungi pegawai-pegawai yang berkenaan yang ada terlibat dengan pemberian harta pesaka.

Ini adalah cadangan yang saya suka buat dan kalaulah itu dibuat oleh Kerajaan maka masalah lambat atau kelewatan itu dan ini tidak akan timbul lagi. Saya agak pandangan yang saya beri ini adalah satu pandangan yang perlu dipandang serius oleh pihak Kerajaan kerana kalau kita tarik daripada Mahkamah Tinggi beri kepada Pemungut oleh kerana Pemungut pada hari ini bebannya begitu banyak dengan tugas biasa maka sudah tentu perkara ini tak dapat diselesaikan dengan lebih cepat ataupun lebih sempurna sepertimana yang diharapkan oleh

rakyat jelata pada hari ini. Oleh yang demikian, jika perlu kita patut wujudkan satu pejabat Kerajaan yang ada pegawai pakar, pegawai yang bertanggungjawab dan pegawai itu hendaklah diberi latihan supaya menjalankan kerja dengan lebih cekap dan sempurna, khususnya hendak menyelesaikan harta pesaka rakyat dengan lebih cepat, lebih mudah dan tidak menjadi beban ataupun tanggungan perbelanjaan banyak kepada rakyat.

Dengan kata-kata ini, saya suka sekali lagi menyokong kuat di atas Rang Undang-undang ini dan berharap supaya pihak Kerajaan ataupun Kementerian yang berkenaan supaya memikirkan masalah ini supaya boleh dijalankan dengan secepatnya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kluang.

5.24 ptg.

Tuan Lee Kaw (Kluang): Tuan Speaker, saya bangun untuk membahaskan Akta Harta Pesaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 1981.

Terlebih dahulu saya suka memberitahu di Dewan ini saya dengan sukacitanya menyokong Akta ini oleh kerana Akta ini walaupun datang pada masa yang lewat, tetapi lebih baik lewat daripada tidak ada langsung—it is better late than never.

Di sini saya suka mengambil peluang menyentuh tiga perkara sahaja. Walaupun banyak Ahli Yang Berhormat sudah membangkitkan perkara yang sama, apa yang saya suka bangkitkan di sini, Tuan Speaker, mengenai seksyen-kecil (2) seksyen 3 Akta Harta Pesaka Kecil ini di mana dinaikkan nilai \$50,000 kepada \$300,000. Pada pandangan saya nilai \$300,000 tidaklah mencukupi walaupun Menteri berkenaan sudah beri sebab-sebabnya.

Tuan Speaker, di kawasan saya jika seseorang ada rumah kedai dan tanah 10-20 ekar sudah melebihi \$300,000 dia terpaksa menggunakan peguam mengenai kes ini di mahkamah di mana Tuan Speaker tahu rakyat jelata bukan semua tahu undang-undang dan jika kita cari peguam, banyak

peguam dalam Malaysia makan macam ikan Yu, di mana harga bayarannya sangat tinggi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak boleh Ahli Yang Berhormat pakai perkataan ikan Yu kepada lawyer, sebutkan lawyer sudahlah.

Tuan Lee Kaw: They are Sharks

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yalah, tetapi tak usah sebut ikan Yu.

Tuan Lee Kaw: Sebab itu saya kata saya menyokong \$300,000 tetapi lebih baiklah jika Menteri berkenaan boleh naikkan sampai \$500,000.

Tuan Speaker, mengenai pentadbiran, kita tahu dalam Negeri Johor ada beberapa Daerah dan di tiap Daerah kita ada Pejabat Tanah di mana Pemungut Hasil Tanah Pegawai Pentadbir Harta Pesaka Kecil. Di dalam Negeri Johor ada pegawai atau pakar (specialist) dalam perkara ini tetapi baru ada satu sahaja walaupun dalam Negeri Johor ada dua office tetapi iaitu di Muar dan Johor Bahru, baru-baru ini sahaja ada satu office dibuka di Kluang tetapi tidak ada pegawai, cuma ada kakitangan sahaja yang menunggu Pegawai Pentadbir Harta Pesaka Kecil iaitu gazetted officer yang ada kuasa. Saya harap Menteri berkenaan boleh tambah lagi gazetted officer di mana kita tidak payah pakai PHT atau Pemungut Hasil Tanah oleh kerana PHT tanggungjawabnya menjaga tanah tidak ada masa, bagaimana boleh selesai dalam kes-kes harta pesaka ini? Sebab itu masih banyak kes di Johor di mana kita kena tunggu hampir 2 tahun. Saya harap Menteri berkenaan mengambil perhatian dalam perkara ini.

Ketiga, Tuan Speaker, dukacita dalam pindaan ini tidak dimasukkan satu pindaan yang akan saya sebutkan iaitu mengenai Small Estate Distribution (SED). Jika seseorang tidak ada harta pesaka tetapi ada wang tunai disimpan dalam bank iaitu fixed deposit atau simpanan tetap, kes-kes begini tidak boleh masuk dalam SED. Jika seorang ada harta termasuk wang simpanan itu kes boleh diperiksa dalam SED tetapi jika seorang si mati hanya ada wang tetap dalam

bank, Akta ini tidak boleh tolong selesaikan kes-kes yang begini. Saya harap Menteri berkenaan boleh timbangkan kes-kes seperti ini jika tidak kes ini mesti terpaksa pergi ke mahkamah sedangkan tujuan-tujuan Undang-undang ini ialah untuk menolong rakyat jangan pergi ke mahkamah oleh kerana sangat banyak backlog dan tak payah kena belanja untuk mengambil peguam.

Saya haraplah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan boleh timbang perkara ini dan juga pada satu masa yang sesuai timbangkan apa yang saya cadangkan.

5.31 ptg.

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj (Tanjong Karang): Tuan Yang di-Pertua, saya dengan perasaan besar hati bangun menyokong pindaan kepada Akta Harta Pesaka Kecil (Pembahagian) 1955 ini.

Mengikut Rang Undang-undang ini pindaan ini disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 18hb Oktober, 1979 dan bagi perkara-perkara yang sebelum daripada itu berhubung dengan harta pesaka pindaan ini mungkin tidak terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam menyokong pindaan ini saya suka mengambil bahagian dalam beberapa perkara.

Yang pertama berjayakah pindaan ini memudahkan rakyat yang menjadi waris kepada penerima harta pesaka ini dalam urusan menyelesaikan harta pesaka mereka? Kalau itulah soalnya saya menjawab mengatakan berjaya pindaan ini ialah berjaya membantu rakyat yang menjadi waris untuk menerima harta pesaka bagi memudahkan mereka untuk menyelesaikan urusan menurunkan kuasa kepada mereka.

Bagi masalah kedua, adakah pindaan ini berjaya mempercepatkan urusan memproses, menyelesaikan masalah, menurunkan kuasa? Ini satu perkara yang kedua iaitu terpulang kepada perkara-perkara perlu yang akan diatasi dari semasa ke semasa oleh pihak yang bertanggungjawab. Soal masa, adakah pindaan ini sesuai sekarang dibuat pindaan tidak terlampau terlambat? Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, mengatakan

sesuai pindaan ini dibuat sekarang kerana sekali air bah

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, koram tidak cukup.

Tuan Yang di-Pertua: Sabar, sabar! Cuba hitung dahulu, kurang dua orang, bunyikan loceng.

(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, lebih 26 hadir).

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj: Tuan Yang di-Pertua, Saya menyatakan bahawa pindaan ini dibuat sekarang adalah sesuai kerana satu pepatah ada menyatakan: Sekali air bah, sekali pasir berubah, dan sesiapa yang bertugas di dalam sesuatu memainkan peranan itu manakala timbul masalah kepadanya maka terfikirilah olehnya bagaimana hendak mengatasinya. Selain daripada itu fikiran kita ini manusia tidak datang serentak, melainkan datangnya dari semasa ke semasa, dari satu perkara ke satu perkara. Oleh itu saya amat bersetuju dan menyokong penuh pindaan ini dibuat pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan di sini supaya masalah-masalah penyelesaian harta pesaka yang terlibat di bawah \$300,000 ini mengikut pindaan yang telah dibuat sebelum 18hb Oktober, 1979 hendaklah juga diberi peluang supaya ianya diberi kuasa kepada pemungut yang berhampiran mengikut pindaan yang dibuat ini, kerana saya percaya ada banyak lagi urusan-urusan penyelesaian harta pesaka ini yang belum selesai walaupun telah dibuat sebelum tarikh penguatkuasa pindaan ini.

Satu perkara lagi masalah lambatnya penyelesaian ini kerana urusan bagi memproses permohonan menyelesaikan harta pesaka ini terlampau banyak lapis sebagaimana yang dijelaskan oleh saudara saya daripada Ulu Muda tadi. Oleh itu saya menyokong penuh usul yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda supaya satu Jabatan Khusus mengendalikan harta pesaka ini dibentuk dalam negara ini, kerana masalah harta pesaka ini bukan masalah semasa atau masalah satu masa yang tertentu,

3943

19 OKTOBER 1981

3944

square one, kerana tujuan asal kita tidak akan tercapai. Jadi bagi tujuan ini apa yang mustahak bagi saya oleh kerana kes-kes daripada Mahkamah Tinggi ini telah dipindahkan kepada Pejabat Tanah oleh kerana naiknya nilai harta pesaka ini supaya Rang Undang-undang ini diselaraskan dengan penambahan kakitangan.

Maksud saya supaya kita selaraskan dengan JPA supaya kakitangan yang cukup mestilah dibekalkan kepada jabatan-jabatan yang bertanggungjawab bagi menyelesaikan masalah harta pesaka ini. Pegawai-pegawai ini biarlah betul-betul pegawai yang layak yang mempunyai pengalaman dalam bidang pentadbiran tanah supaya mereka dapat menjalankan dan membereskan segala kes-kes pembicaraan harta pesaka kecil ini dengan seberapa segera dan biarlah pegawai ini betul-betul dedikasi.

Jadi untuk mewujudkan semangat dedikasi kepada pegawai-pegawai yang menyelesaikan atau membicarakan masalah harta pesaka kecil ini, saya mencadangkan supaya pihak Kementerian mencari jalan supaya mereka ini benar-benar dedikasi iaitu mengadakan satu penghargaan kepada pegawai-pegawai yang berkenaan. Kerajaan jika sekiranya pegawai-pegawai yang menyelesaikan harta pesaka kecil ini dapat menyelesaikan pembahagian harta pesaka yang paling banyak dalam sesuatu tahun itu hendaklah kita memberikan penghargaan kepada pegawai ini. Dengan cara yang demikian, saya percaya kita akan memberi galakan yang lebih lagi kepada pegawai-pegawai yang berkenaan. Di samping memberikan perkhidmatan yang cemerlang, biarlah kita memberi satu penghargaan yang khas bagi pegawai-pegawai yang dapat menyelesaikan pembahagian harta pesaka ini pada tiap-tiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang ingin saya sentuh di sini sebagaimana disentuh oleh rakan-rakan saya sebelum ini iaitu masalah kelewatan. Memang kita akui bahawa kelewatan berlaku dan kelewatan ini mungkin bukanlah disengajakan oleh pegawai-pegawai yang berkenaan oleh kerana melibatkan berbagai-bagai jabatan, misalnya Jabatan Penilaian, Jabatan Hasil

Dalam Negeri dan sebagainya. Jabatan Penilaian mungkin menghadapi masalah untuk menilai harta-harta yang alih misalnya moveable property, jadi mungkin pegawai-pegawai ini menghadapi masalah untuk menjalankan penilaian. Mungkin apabila sungutan-sungutan diterima daripada orang ramai berhubung dengan kelewatan ini, berlakulah passing the buck. Untuk mengatasi masalah ini, saya suka mencadangkan agar pihak Kerajaan mengadakan 'one stop agency' di mana mengandungi sebagaimana yang dicadangkan oleh rakan-rakan saya sebelum ini berbagai-bagai jabatan yang ada hubungan dengan masalah pemberian harta pesaka ini, jadi one stop agency ini akan bekerja rapat di antara satu sama lain untuk menjalankan tugas masing-masing dan dapatlah kita menyelesaikan masalah-masalah kelewatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga yang ingin saya sentuh di sini ialah masalah cara sesuatu pembahagian ataupun pembicaraan harta pesaka kecil itu dijalankan. Di akhir-akhir ini didapati bahawa masih ada lagi cara lama ataupun cara tradisi pegawai-pegawai di Pejabat Tanah menjalankan pembahagian harta pesaka. Misalnya, apabila borang permohonan diterima daripada beneficiary ataupun yang berhak ataupun waris, pegawai-pegawai berkenaan masih lagi mendapatkan pengesahan perkara-perkara yang diisi dalam borang itu daripada Penghulu-penghulu misalnya. Saya rasa mungkin ini akan menimbulkan satu red tape. Saya cadangkan supaya pegawai-pegawai apabila sahaja menerima ataupun sebaik sahaja ia menerima borang dari beneficiary untuk memberikan harta pesaka simati, hendaklah dia dengan serta-merta menetapkan tarikh pembicaraan, kerana dalam pembicaraan itu segala kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh waris-waris adalah merupakan sworn statement. Sworn statement ini ataupun kenyataan yang bersumpah akan menjadi bukti jika sekiranya laporan-laporan yang diberi di dalam borang itu tidak betul maka orang yang berkenaan yang bertanggungjawab. Jadi tidak perlulah kita mendapat pengesahan dari Penghulu-penghulu oleh kerana ini akan memakan masa yang lama.

Yang akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masalah harta pesaka kecil ini melibatkan Pejabat Tanah, ini bermakna melibatkan pegawai iaitu Pemungut Hasil Tanah. Saya rasa terminology ataupun istilah Pemungut Hasil Tanah ini pada zaman sekarang ini tidak sesuai lagi. Ia mungkin memberi gambaran yang salah—Pemungut Hasil Tanah. Yang sebenarnya tugas yang dijalankan oleh Pemungut Hasil Tanah ini adalah lebih dari itu bukan setakat memungut hasil tanah sahaja tetapi menjalankan pembangunan-pembangunan tanah. Saya berharap supaya pihak Kementerian mencari jalan memberikan istilah baru kepada pegawai yang bertugas di Pejabat Tanah ini. Misalnya, saya mencadangkan supaya kita beri nama pegawai ini sebagai Pegawai Pembangunan Tanah, kerana ini sesuai. Pembangunan ini adalah sesuai dengan keadaan-keadaan yang berlaku pada negara kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan itu saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.57 ptg.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Seri Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil minat dalam pindaan Akta ini. Ini sudah sewajarnya kerana soal harta pesaka ini adalah satu perkara yang penting di kalangan waris dan di samping itu soal tanah misalnya merupakan satu perkara yang rumit dan kerumitan ini timbul lebih-lebih lagi perbicaraan harta pesaka ini hanya dimulakan apabila seseorang itu mati dan pada hari ini seseorang itu nampaknya lambat mati, hanya pada pagi tadi sahaja saya bertemu dengan seorang penoreh getah yang tanahnya tidak sampai 10 ekar dan umurnya 123 tahun dan sudah tentulah masalah-masalah berhubung dengan 10 ekar ini merupakan satu perkara yang rumit dalam masa yang demikian.

Masalah yang ditimbulkan banyak ditumpukan kepada soal pentadbiran. Saya sendiri memang menyedari kerumitan yang berlaku di peringkat bawah, peringkat Pejabat Tanah tetapi kerumitan ini tidaklah patut kita bebankan kepada pegawai-pegawai sahaja, kerana pihak waris pun patut bertanggungjawab dan kesusahan itu selalunya berlaku, misalnya kelambatan itu berlaku disebabkan kadang-kadang ada salah faham di antara waris-waris atau keluarga si mati dan kadang-kadangnya mereka itu tidak ada setempat, perhubungan antara satu sama lain dan sebagainya. Walau bagaimanapun pihak Kerajaan kita dengan memajukan pindaan ini berharap dapat mengendurkan dan mengurangkan kesusahan ini demi kepentingan waris-waris ataupun anak-anak yang tinggal.

Saya sendiri memang mengambil serius perkara ini kerana memandangkan back-log. Pada tahun 1980 sahaja misalnya kita ada 25,181 kes backlog. Dan di bawah pindaan ini kita mengharapkan dapat menyelesaikan atau menguruskan atau melicinkan Pejabat-pejabat Tanah dengan menambahkan lagi pegawai-pegawai dan kita mengharapkan dan telah pun mendapat kelulusan pihak Kerajaan menambah untuk mencukupkan pegawai-pegawai ini kepada 41 orang dalam tahun hadapan. Dan strategi kita untuk melaksanakan ialah seperti yang telah pun diminta oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengadakan panduan-panduan supaya pelaksanaan di peringkat Pejabat-pejabat Daerah dapat dilaksanakan dengan licin dengan mengadakan pegawai-pegawai khas ini yang dilengkapi dengan kuasa Majistret. Dan kalau dipandang jumlah pegawai itu agak kecil, kita akan timbangkan pada satu-satu masa, tetapi mengikut perkiraan kita pada hari ini untuk menghadapi backlog ini sahaja di bawah perkiraan kami di Kementerian ini kalau berjalan strategi ini diharapkan seseorang itu dapat melaksanakan lebihkurang 400 lebih pada setahun dan dapat kita harap menyelesaikan backlog yang 25,000 lebih ini dalam masa setahun lebih. Di samping itu pegawai-pegawai khas ini akan bergerak dari satu tempat ke satu tempat (mobile) untuk mempercepatkan pelaksanaannya. Bagi pihak Kementerian ini memang berasa

melambatkan para posmen dalam menjalankan tugas mereka dan sedikit-sebanyak melambatkan penyerahan mel-mel. Jika posmen yang berkenaan gagal mendapatkan jawapan-jawapan daripada panggilannya maka surat tersebut tidak akan dapat diserahkan, ini akan melambatkan lagi penyerahan kerana posmen itu terpaksa mencuba sekali lagi pada masa yang lain. Tambahan pula posmen juga mengalami ancaman serangan dari anjing yang dipelihara oleh penghuni-penghuni rumah. Oleh yang demikian, adalah juga didapati wajar supaya peti-peti surat disediakan oleh penerima-penerima surat di rumah-rumah berpagar.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada seksyen 69, 93, dan 94 adalah untuk menetapkan jumlah denda yang lebih tinggi yang boleh dikenakan ke atas sesuatu kesalahan yang dilakukan di bawah Akta Pejabat Pos 1947. Cadangan pindaan ini diadakan kerana nilai matawang pada masa sekarang telah turun sedikit. Oleh yang demikian, Jabatan Perkhidmatan Pos telah membuat kajian yang mendalam mengenai perkara ini dan mengambil keputusan untuk mengesyorkan supaya jumlah denda dinaikkan empat kali ganda. Kenaikan ini adalah wajar memandangkan kejatuhan nilai matawang dan di samping itu ia juga akan menjadi sebagai satu penghalang yang berkesan pada mereka daripada melakukan kesalahan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membolehkan Mahkamah Majistret Kelas Satu membicarakan apa-apa kesalahan di bawah Akta Pejabat Pos 1947 atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya dan mengenakan penalti penuh bagi kesalahan itu, pindaan kepada seksyen 88 adalah diperlukan. Pada masa sekarang kes-kes seperti ini hendaklah dibicarakan di Mahkamah Tengah atau Sessions Court. Ini adalah untuk memudahkan dan mempercepatkan perbicaraan-perbicaraan kerana bilangan Mahkamah Majistret adalah lebih besar berbanding dengan Mahkamah Tengah.

Pindaan kepada seksyen 34, 35, dan 90A adalah untuk membolehkan nama-nama jawatan di dalam Akta ditukarkan seperti berikut:—

Penolong Penguasa Pos digantikan dengan Penolong Pegawai Perkhidmatan Pos.

Penolong Pegawai Pos digantikan dengan Pegawai Perkhidmatan Pos Tingkatan Kanan.

Pengawal Pos digantikan dengan Pegawai Perkhidmatan Pos Tingkatan Biasa.

Pindaan-pindaan yang berkenaan adalah didapati wajar kerana pada masa ini tingkatan-tingkatan perjawatan di dalam Skim Penguasa Pos selalu menimbulkan kekeliruan dan masalah. Ini bertambah sulit apabila Pejabat Pos ingin menggunakan gelaran Pengarah Pos dan Penolong Pengarah Pos kepada Pegawai-pegawai Pos supaya selaras dengan gelaran yang dipakai di jabatan-jabatan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang saya cadangkan ini kepada Akta Pejabat Pos 1947 adalah difikirkan sangat perlu untuk membolehkan Jabatan Perkhidmatan Pos menjalankan tanggungjawabnya kepada orang ramai dengan lebih berkesan dan cekap lagi pada setiap masa dan oleh itu, saya mohon mencadangkan.

Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, soal di hadapan Majlis ini ialah satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pejabat Pos 1947 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk perbahasan. Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

6.20 ptg.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, saya bangun untuk memberi sedikit pandangan saya terhadap Rang Undang-undang yang telah dihuraikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk memudahkan penyerahan barang-barang pos di bangunan-bangunan berbilang tingkat dengan secara mewajibkan setiap pemilik atau penghuni sesuatu rumah atau bangunan menyediakan kotak atau peti posnya itu sendiri supaya

sesuatu barang pos yang memakai alamatnya dapat diserahkan menerusi kotak atau peti pos itu.

Tuan Speaker, saya menyokong Rang Undang-undang ini dan jika ianya dirangka bagi memastikan bahawa semua kiriman pos akan diserahkan dengan cepat dan selamat kepada semua penerima yang berkenaan. Peruntukan baru ini hendaklah dipakaikan juga kepada semua bangunan berbilang tingkat sepertimana yang tadi telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri bagi memastikan kecepatan penyerahan semua kiriman pos dan surat.

Di sini suka saya sambil menyokong Rang Undang-undang ini untuk menyampaikan satu pandangan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan iaitu bahawa untuk bangunan-bangunan berbilang tingkat yang ada sekarang di mana kotak-kotak atau peti-peti pos masih belum disediakan, terutama berkenaan dengan rumah pangsa yang bertingkat tinggi dalam Bandaraya. Saya berharap supaya mereka yang berkenaan diberikan masa yang cukup untuk menyediakan kotak-kotak tersebut. Sehingga masa ianya dapat dibuat, saya berharap bahawa posmen akan terus menyerahkan surat atau kiriman pos ke muka-muka pintu rumah si penerima.

Tuan Speaker, mengenai memperingkatkan mutu perkhidmatan pos di negara kita, saya percaya bahawa jika sesuatu rumah mempunyai peti surat pos yang tersendiri ianya akan menjadi satu pertolongan besar kepada kutipan ataupun pungutan surat.

Berhubung dengan membaiki perkhidmatan pos di dalam negara kita, khasnya dalam Wilayah Persekutuan, saya juga suka mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan satu cadangan bahawa Pejabat-pejabat Pos hendaklah didirikan di dalam semua kawasan perumahan yang padat dengan penduduk dan ini juga termasuk kompleks-kompleks perniagaan yang besar yang ada di dalam Bandaraya Kuala Lumpur kita. Lebih banyak kotak pos itu hendaklah disediakan di tiap-tiap jalan yang penting dan sibuk di berbagai tempat dalam bandaraya

bagi memudahkan tujuan untuk menyerahkan surat atau kiriman pos.

Tuan Speaker, saya tidak hendak bercakap panjang dalam hal ini akan tetapi sebelum mengakhiri ucapan saya ini, saya juga ingin bercakap sedikit tentang kebajikan para posmen di negara kita. Memandangkan bahawa posmen-posmen ada memainkan satu peranan yang penting, saya berpendapat bahawa adalah penting supaya langkah-langkah tertentu diambil bagi menjaga kebajikan mereka. Posmen yang sedang menjalankan tugas mereka adalah terdedah kepada berbagai bahaya dan risiko, misalnya posmen itu boleh digigit oleh anjing apabila dia hendak menghantar mel ke rumah-rumah dan mungkin posmen kita boleh menghadapi kemalangan jalanraya.

Dalam menghadapi masalah-masalah ini, saya suka mencadangkan bahawa suatu skim kebajikan untuk mereka hendaklah dirangka oleh sebab saya difahamkan bahawa sehingga hari ini posmen kita belum ada satu skim insuran, skim kebajikan yang boleh membantu mereka apabila mereka menghadapi satu masalah yang mungkin akan berlaku apabila mereka menjalankan tugas, Skim kebajikan yang saya syorkan ini boleh memberi perlindungan insuran semasa mereka menjalankan tugas yang sekiranya mereka ada mendapat kecederaan atau menemui kemalangan yang begitu serius, semua ini menghendaki satu bayaran pampasan yang mereka berhak untuk mendapatnya.

Saya mintalah supaya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan boleh mengambil perhatian yang wajar terhadap syor atau cadangan yang telah saya huraikan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Sandakan.

Tuan Fung Ket Wing (Sandakan): Tuan Speaker, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, I rise to participate in the debate on the Post Office

(Amendment) Bill, 1981, which seeks to amend the Post Office Act, 1947.

This Bill seeks to amend the Post Office Act, 1947 to:

- (1) provide facilities for the delivery of postal articles to high-rise buildings and premises with compounds;
- (2) provide for changes in the nomenclature of posts; and
- (3) increase the penalties for certain offences and trial of offences under the Act by a First-Class Magistrate's Court.

Mr. Speaker, Sir, the delivery of mail is not provided in almost all the towns in Sabah and Sarawak. The only areas where house-to-

house deliveries are provided are in Kota Kinabalu and Kuching. Many of the people in Sabah and Sarawak still do not enjoy the benefit of house-to-house delivery. Delivery of mail in small towns is made through post-office boxes. Even the number of post-office boxes are limited and only a handful of people are able to obtain these boxes. The rest of the people depend on post-office boxes of either their friends or relatives. Only lately mail-bags and mail counter services were introduced.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat boleh sambung esok.

Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Selasa, 20hb Oktober, 1981.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.